


Jilid I
Bil. 52



Hari Selasa
28hb Oktober, 1975

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6013]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6049]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat—

Menangguhkan Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) [Ruangan 6049]

Menangguhkan Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri [Ruangan 6095]

Wakil dalam Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia [Ruangan 6050]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1975 [Ruangan 6059]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1975 [Ruangan 6059]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) [Ruangan 6060]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) [Ruangan 6088]

Rang Undang-undang Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuhan-tumbuhan Berbahaya [Ruangan 6089]

Rang Undang-undang Syarikat Koperasi (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 6095]

DICETAK OLEH

IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., PEMANGKU KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1976

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 28hb Oktober, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyclarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K. D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M., A.S.D.K., A.D.K. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).

- Yang Berhormat TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M. S.P.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Tugas-tugas khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Lubuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (ROSEMARYCHONG) (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PELACURAN DAN PENJUALAN PEREMPUAN

1. Tuan K. Pathmanaban (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada Kementerian beliau telah menimbangkan dengan serius terhadap masaalah pelacuran dan penjualan perempuan (trafficking in women) walaupun ada "Akta Perlindungan Wanita dan Gadis." Apakah langkah-langkah tegas yang telah dilaksanakan untuk tindakan Polis yang lebih ketat dengan hukuman Mahkamah yang lebih berat kepada mereka yang melakukan kesalahan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa memberi perhatian yang berat di atas masaalah pelacuran dan penjualan perempuan untuk maksud pelacuran. Satu undang-undang yang lengkap iaitu Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, telah diadakan untuk memberi perlindungan kepada gadis-gadis dan wanita muda di bawah umur 21 tahun. Yayasan-yayasan pemulihan akhlak juga diadakan untuk mendidik dan melatih gadis-gadis yang sudah terjerumus itu. Pihak polis juga telah berusaha dengan seberapa upaya untuk menghapuskan perkara yang keji ini, dan telahpun membentuk satu bahagian Pencegah Maksiat, yang tugasnya semata-mata untuk ini.

Hukuman untuk kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang ini telahpun ditambah di bawah Akta 1973 ini. Denda telah dinaikkan daripada \$2,000 kepada \$10,000, hukuman penjara daripada 2 tahun telah ditambah menjadi 5 tahun. Untuk kesalahan-kesalahan yang berikutnya selain dari hukuman penjara maka hukuman rotan boleh juga dikenakan.

Walau bagaimanapun, masaalah pelacuran ini tidaklah dapat diatasi atau dikawal dengan undang-undang semata-mata. Pelacuran sebagai satu maksiat yang sudah

ujud zaman-berzaman hanya dapat dihapuskan sekiranya tidak ada pihak-pihak yang memerlukannya. Untuk mengurangkannya memerlukan pula penglibatan masyarakat untuk mengawal punca-punca yang boleh membiakkan pelacuran samada dalam segi ekonomi atau sosial. Masyarakat keseluruhannya patutlah bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan terutama sekali untuk melapurkan orang-orang yang melakukan kesalahan. Ketiadaan kerjasama dari orang ramai dan di kalangan saksi-saksi yang sanggup memberi keterangan dalam Mahkamah kerap kali mengecewakan pihak-pihak yang menjalankan tindakan.

KELINIK PENAGIH CANDU DAN DADAH/MORPHINE

2. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang hendak mengadakan lebih banyak lagi klinik-klinik untuk merawat penagih-penagih candu dan dadah/morphine di tiap-tiap hospital.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 17 "detection centres", 7 "detection-cum-detoxification centres", dan 3 buah pusat pemulihan (rehabilitation centres) yang telah digezetkan bagi tujuan memberi rawatan kepada penagih-penagih dadah. Satu senarai pusat-pusat tersebut akan di edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada akhir waktu pertanyaan. Kementerian saya akan menjalankan penapisan dari masa ke semasa untuk menentukan samada bilangan pusat-pusat ini harus ditambah atau tidak.

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah keadaan-keadaan kawalan yang ada sekarang ini untuk membentaras penagih-penagih dadah ini yang semakin bertambah itu memuaskan hati pihak Kementerian.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai langkah dan usaha telah dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kanan di bawah Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Kebajikan Am dan juga jawatankuasa Biro Narkotik pada masa yang sudah. Pada hari ini langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ataupun pihak Kementerian Kesihatan adalah memuaskan hati.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada di antara badan-badan agama di negeri kita ini telah menyalahgunakan pusat-pusat pembenteras penagih dadah ini kepada berusaha untuk menjadikan penagih dadah itu memeluk agama mereka dan apakah langkah yang dibuat untuk mencegah perbuatan kacau ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebenarnya, itu soalan lain daripada yang dikehendaki.

PENGGANAS TENTERA MERAH JEPUN

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kemasukan dengan mudahnya lima orang pengganas dari Tentera Merah Jepun ke Malaysia baru-baru ini yang telah mengakibatkan perampasan Kedutaan Amerika dan peristiwa-peristiwa yang berikut;
- (b) bagaimana pengganas-pengganas Tentera Merah Jepun dapat memiliki dengan mudahnya senjata-senjata dan bahan-bahan letupan;
- (c) bagaimana Kerajaan akan menentukan bahawa peristiwa serupa ini tidak akan berulang pada masa akan datang; dan
- (d) samada Kerajaan kita akan menuntut wang ganti rugi daripada Kerajaan Jepun untuk membiayai mereka yang telah mengalami kerugian di dalam peristiwa itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemasukan lima orang apa yang digelarkan pengganas-pengganas Tentera Merah Jepun ke Malaysia sehingga sekarang belum dapat dikesan dan masih dalam siasatan. Jadi, kita belum tahu adakah mereka ini masuk dengan mudah atau tidak. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mendakwa dan mengatakan tahu bahawa mereka masuk dengan mudahnya, kita berterima kasih kalau dapat penerangan yang lebih lanjut berkenaan dengan cara mereka masuk yang dikatakan mudah itu. Daripada

kajian yang dibuat ahli-ahli apa yang digelarkan Tentera Merah Jepun selalunya menjelajah ke merata-rata tempat di dunia dengan menggunakan paspot palsu dan menggunakan berbagai cara, kadang-kadang seolah-olah sebagai operasi peperangan (war operation) dan tidak ada satu negara yang mengalami kemasukan pengganas ini dapat menentukan cara mana mereka masuk dan apakah cara untuk mencegah kemasukan mereka. Kerjasama antarabangsa pada masa sekarang dengan kita sedang diusahakan.

- (b) Seperti soalan kemasukan mereka tadi, maka soalan senjata juga masih belum dapat lagi jawapannya, masih di dalam siasatan.
- (c) Pemeriksaan terhadap orang-orang yang masuk ke negara ini pada masa sekarang sedang diperketatkan dan berkenaan dengan ini satu pasukan pegugas sedang merancang cara-cara baru untuk menghadapi masalah ini. Perhubungan yang rapat telah diwujudkan di antara Kerajaan kita dengan Kerajaan-kerajaan lain dan melalui perhubungan ini pihak imigresesi telah dapat menyusun maklumat-maklumat yang lebih lengkap mengenai bukan sahaja Ahli-ahli Tentera Merah, tetapi juga orang-orang yang tidak diingini.
- (d) Soalan samada Kerajaan kita akan menimbangkan menuntut wang ganti rugi daripada Kerajaan Jepun, maka pada himat kita keganasan oleh Ahli Tentera Merah Jepun itu tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Jepun.

Dr Tan Chee Khoo: Tadi Menteri yang berkenaan di dalam jawapannya untuk soalan (b) katanya perkara ini tidak begitu berkesan, oleh sebab itu

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya kata belum dapat dikesan lagi

Dr Tan Chee Khoo: Belum dapat dikesan lagi, sebab itu Menteri berkenaan tidak boleh jawab lebih lanjut. Saya hendak bertanya kepada Menteri berkenaan adakah ini bermakna seseorang itu boleh membawa ke negara ini sub-machine-gun atau machine-gun begitu senang?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat hendak menjawab boleh, tetapi perkara itu sudah dijelaskan tadi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak payah, Tuan Yang di-Pertua.

MOGOK DAN KERJA MENGIKUT PERATURAN

4. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan memandangkan keadaan negara pada masa ini, samada Kerajaan bercadang mengharamkan semua tindakan mogok dan kerja mengikut peraturan serta lain-lain tindakan perusahaan oleh kesatuan-kesatuan sekerja kerana tindakan-tindakan ini akan memburukkan lagi ekonomi dan imej negara ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan negara pada masa ini Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengharamkan semua tindakan mogok dan lain-lain tindakan perusahaan oleh kesatuan-kesatuan sekerja. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi akan apa-apa juga tindakan perusahaan oleh Kesatuan sekerja dan akibat-akibatnya terhadap ekonomi dan imej negara. Tambahan pula peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang buruh kita adalah cukup untuk menguruskan apa-apa juga kemungkinan yang timbul dari apa-apa tindakan perusahaan atau pertikaian.

KEKURANGAN PENERANGAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

5. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin bertanya kepada Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar berkenaan dengan kekurangan penerangan oleh Kerajaan Malaysia menerusi kedutaan-kedutaannya berkenaan dengan perkembangan politik, sosial, ekonomi dan keadaan keselamatan kepada negara-negara asing; jika sedar, apa tindakan tegas yang akan diambil; dan
- (b) samada kekurangan penerangan atau tidak adanya penerangan telah menyebabkan sebahagian besar pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri terutama di United Kingdom, Australia,

New Zealand dan Amerika Syarikat tidak memahami dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan Malaysia dalam perkara politik, sosial, ekonomi dan keselamatan, jika benar, apa langkah-langkah yang berkesan akan diambil.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, penerangan mengenai Malaysia di negara-negara asing tidaklah berkurangan. Tiap-tiap perwakilan Malaysia sentiasa dilengkapi dengan dokumen-dokumen rasmi serta akhbar-akhbar Malaysia dan lain-lain terbitan. Kementerian Luar Negeri menghantar kepada perwakilan-perwakilan kita taligram akhbar tiap-tiap hari yang menerangkan perkembangan dasar serta berita-berita dalam negeri.

30,000 naskhah akhbar Malaysia Digest yang diterbitkan dua kali sebulan dihantar kepada mereka untuk disebarkan di luar negeri. Di samping itu Suara Malaysia iaitu perkhidmatan luar negeri Radio Malaysia menyiarkan tiap-tiap hari berita-berita dan ulasan berita. Penerimaan siaran Suara Malaysia di Australia dan New Zealand sangatlah terang semenjak 1hb Ogos, tahun ini.

Perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut adalah pusat bagi menyebarkan penerangan dan kebanyakan dari perwakilan-perwakilan yang besar, bukan sahaja menyebarkan bahan-bahan yang diterima oleh mereka dari Wisma Putra, tetapi juga mengeluarkan News Letters mereka yang memberikan keterangan atas dasar-dasar Malaysia.

Dari keterangan saya itu adalah terang bahawa penerangan mengenai dasar dan perkembangan Malaysia boleh diperolehi di seberang laut oleh sesiapa yang ingin mengikutinya. Mengenai pelajar-pelajar Malaysia tidaklah benar bahawa sebahagian besar dari mereka di Britain, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat tidak faham akan dasar-dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan. Sebenarnya, mereka mengerti sekurang-kurangnya dari garis-garis besar dan mereka tidak melibatkan diri di dalam tunjuk perasaan anti-Malaysia oleh sebab mereka itu patuh kepada undang-undang dan berkelakuan baik. Cuma segelintir sahaja yang terlibat dan suku-suku ini tahu apa

sebenarnya, tetapi memutar-belitkan sesuai dengan perasaan anti-Malaysia mereka. Kebanyakan pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut adalah sangat sibuk dengan pelajaran mereka untuk bergiat dalam aktiviti-aktiviti politik. Malah mereka mempunyai sedikit masa untuk membaca dengan sempurna akhbar-akhbar tempatan oleh sebab terpaksa mempelajari buku-buku mereka dan mengambil bahagian dalam berbagai-bagai aktiviti-aktiviti universiti atau maktab mereka. Bagaimanapun sebahagian dari mereka sering berhubung dengan perwakilan-perwakilan Malaysia dan sentiasa diberi naskhah-naskhah percuma akhbar Malaysian Digest dan surat berita perwakilan itu. Mereka selalu menghadiri majlis perayaan Hari Kebangsaan dan upacara-upacara lain dan mengikuti perkembangan di Malaysia.

Apa yang saya perkatakan tadi tidaklah bermakna bahawa perkhidmatan sekarang tidak boleh dibaiki lagi terutama di dalam zaman information explosion ini, tetapi kekurangan pegawai-pegawai yang berkelayakan serta wang yang mencukupi membataskan perkhidmatan itu. Namun demikian, Kementerian Luar Negeri bersama Kementerian Pelajaran sentiasa mengkaji kesulitan ini menerusi Jawatankuasa Jemaah Menteri mengenai pelajar-pelajar dengan tujuan memperbaiki, bukan sahaja perkhidmatan penerangan bagi pelajar-pelajar kita di seberang laut, tetapi juga pentadbiran hal-ehwal pelajar-pelajar di seberang laut pada keseluruhannya.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar boleh dikatakan kebanyakan pelajar-pelajar di luar Negeri khususnya di Australia dan New Zealand umpamanya, di Melbourne, mereka tidak sedar keadaan di Malaysia dari semasa ke semasa dan apa yang berlaku di negara kita, oleh sebab mereka tidak mendapat cukup surat khabar, majallah-majallah dan sebagainya. Oleh itu, mereka tidak tahu keadaan di tanahair kita dan barangkali mereka tidak berpuas hati dan bercampur dalam aktiviti-aktiviti yang pada pendapat Kerajaan tidak sesuai. Kalau Menteri yang berkenaan sedar apa tindakan Kementerian atau Kementerian Pelajaran akan mengambil supaya pelajar-pelajar di luar negeri dapat cukup surat khabar tempatan atau majallah-majallah tempatan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal tidak cukup sebenarnya sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Tetapi tentang soal bagaimana hendak mencukupi bahan-bahan bacaan dan penerangan, bolehlah Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar perkara ini. Ini masalaah perhubungan dan untuk mengetahui dengan jelasnya perkembangan Malaysia, ini bukan masalaah tidak cukup akhbar-akhbar sahaja ataupun berhubung dengan penerangan antara Kerajaan kita Malaysia dengan penuntut-penuntut, ini masalaah lain. Kadangkala penuntut-penuntut ini bukan sahaja hendak membaca suratkhbar seperti saya sudah terangkan dalam penjelasan saya sekejap tadi. Kita sentiasa berusaha membanyakkan lagi akhbar-akhbar, berita-berita dan periodicals untuk bacaan mereka. Sekarang ini bagaimana saya telah terangkan, kita telahpun mengadakan siaran "Suara Malaysia" supaya "Suara Malaysia" ini dapat didengar oleh penuntut-penuntut yang ada di Australia. Kadangkadang maklumlah penuntut-penuntut ini ada juga mempunyai interest yang lain, bukan hanya hendak membaca suratkhbar sahaja. Mereka itu ada yang suka menuntun wayang, atau pergi ke sana ke mari. Ini salah satu daripadanya. Tetapi jikalau mereka membuka radio dan membaca akhbar, saya rasa mungkin dapat mengatasi kesulitan-kesulitan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini bagaimana cara-caranya Perwakilan kita di luar negeri menyampaikan maklumat yang begitu banyak dihantar kepada Kedutaan-kedutaan kepada penuntut-penuntut kita di tiap-tiap negeri yang disebutkan itu. Bagaimanakah cara yang dibuat, adakah sekadar menerima bahan-bahan daripada Kementerian Luar Negeri atau Kementerian Penerangan dan disimpan di Pejabat Kedutaan untuk penuntut-penuntut yang rajin datang membaca atau adakah disampaikan kepada mereka? Saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan tentang perkara ini.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada cara-cara kita menyebarkan penerangan ini ialah di mana pusat-pusat penuntut seperti di London, kita ada tempat ataupun bangunan penuntut di sana, kita hantar akhbar-akhbar. Tetapi di mana kita tidak ada tempat penuntut-penuntut, itu sukar kita hendak menyebarkan. Tetapi walau bagaimanapun, kepada mereka ini kita ada hantar juga secara perseorangan oleh Wakil-wakil kita di sana—Kedutaan-kedutaan kita di seberang laut seperti “Malaysian Digest” banyak naskhah yang kita hantar kepada mereka. Dan juga berita-berita yang lain kalau mencukupi yang mana saya telah jelaskan di dalam ulasan saya sekejap tadi, ada kekurangan naskhah-naskhah, jadi kita akan berikan kepada pusat-pusat penuntut sahaja. Inilah caranya kita menghantarkan berita-berita melalui pos. Apabila kita dapat daripada Kuala Lumpur, naskhah-naskhah ini di hantar pula kepada pusat-pusat penuntut yang ada di seberang laut dan jika banyak dihantar kepada perseorangan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Mengenai langkah-langkah berkesan yang diambil atas masaalah ini, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa perasaan tidak puashati bukan sahaja berlaku di kalangan pelajar-pelajar di luar negeri seperti di Australia dan New Zealand tetapi ada juga berlaku di kalangan pelajar-pelajar di tanahair kita seperti tunjuk perasaan tahun lalu. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa langkah-langkah yang sebenarnya berkesan boleh mengatasi soalan ini ialah secara mengadakan dialog-dailog dengan pelajar-pelajar, bukan sahaja di luar negeri tetapi di dalam negeri mengenai perkembangan politik, sosial, ekonomi dan keadaan keselamatan serta tukar-menukar fikiran bagi menyesuaikan dasar-dasar untuk mendapat sokongan dari semua lapisan rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal tidak puashati ini bukan dari golongan pelajar-pelajar sahaja tetapi di Dewan ini juga banyak yang tidak puas hati. Yang Berhormat Menteri sila jawab apa langkah-langkah yang lebih berkesan patut diambil.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini soalan lain sedikit, tidak bersabit dengan apa yang ditanyakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tidak hendak menjawab tidak mengapa tetapi benda itu ada hubungannya.

Tuan Zahari bin Awang: Soalan tambahan. Kami faham bahawa Kementerian Luar Negeri telah menghantar banyak documents ke Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada setengah-setengah Kedutaan kita menerima suratkhbar, umpamanya, dalam masa sebulan terlewat, kadangkala dua minggu terlewat dan walaupun documents itu datang umpamanya di New York, kami lihat bahawa document itu berlonggok sahaja tidak ada siapa hendak membahagi ataupun tidak ada seorang pun pegawai yang hendak bertugas memberi penerangan berkenaan dengan itu. Jadi, apakah langkah-langkah Yang Berhormat Menteri hendak cadangkan supaya segala documents itu dihantar dengan serta-merta. Umpamanya, baharu-baharu ini berlaku student demonstrasi di Malaysia, kita lihat di suratkhbar perkara itu sudah 15 hari berlaku, jadi kita tidak tahu current events following out of it. Jadi, waktu itulah pelajar-pelajar kita di Amerika telah salah sangka, membuat bermacam-macam tuduhan kerana tidak up-to-date news yang sampai kepada Kedutaan-kedutaan kita. Jadi, bagaimanakah caranya untuk mempercepatkan lagi usaha-usaha penghantaran ini supaya semua Kedutaan-kedutaan kita dilengkapi betul-betul dengan current events yang up-to-date?

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita telahpun mengambil tindakan supaya akhbar-akhbar dan penerangan-penerangan, kalau boleh, kita dapat sampaikan dengan seberapa segera yang boleh. Oleh sebab seperti saya terangkan tadi, mengikut taligram akhbar kita telahpun dengan serta-merta memberikan penjelasan supaya Kedutaan-kedutaan (Missions) kita di seberang laut dapat duplicatekan penerangan-penerangan ini untuk dihantar kepada pelajar-pelajar di sana. Inilah caranya kita harap boleh dapat dengan seberapa cepat yang boleh penerangan-penerangan dan akhbar-akhbar yang ada di Malaysia.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ada

menyatakan bahawa penerangan-penerangan ada diberikan kepada pelajar-pelajar seperti risalah Malaysia Digest dan Suara Malaysia. Saya suka mendapat tahu, apakah risalah-risalah "Malaysia Digest" dan "Suara Malaysia" itu majallah bulanan ataupun mingguan. Dan juga saya suka hendak bertanya samada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri bercadang hendak mengeluarkan satu risalah khas untuk ditunjukkan kepada pelajar-pelajar bukan suatu risalah yang merangkumi tujuannya untuk semua, bukan sahaja pelajar-pelajar tetapi mungkin kepada business community dan lain-lain lapisan masyarakat. Saya suka hendak bertanya adakah rancangan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk mengeluarkan risalah khas untuk pelajar-pelajar berkenaan dengan hal-hal yang ada sangkut-paut dengan negara Malaysia.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, soal itu memang ada di dalam perbincangan. Dahulu kita ada mengeluarkan Straits Budget yang mana telah dihantar di seberang laut. Pada masa dahulu Straits Budget ini diberikan kepada orang-orang yang tinggal di Malaysia seperti planters, pekerja-pekerja Kerajaan yang telah bersara yang tinggal di luar negeri. Hal ini pun kita ada dalam cadangan, jikalau boleh akhbar-akhbar dapat mengumpulkan bahan-bahan berita seperti ini seperti mana Straits Budget dahulu. Itulah cadangannya, yang mana jika dilaksanakan mungkin dapat mengurangkan sedikit masalaah penerangan seperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Menteri Luar Negeri samada beliau sedar atau tidak mengenai cara maklumat yang hendak disampaikan kepada pelajar-pelajar ataupun kepada badan-badan yang berkenaan melalui Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri yang mana Kedutaan-kedutaan kita itu tidak mempunyai alamat dan senarai tempat tinggal yang lengkap bagi penuntut-penuntut yang berada di luar negeri. Dan kalau perkara ini berlaku, apakah tindakan Menteri yang berkenaan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri telah terangkan tentang penerangan tidak diberi kepada perseorangan

tetapi diberi kepada pusat-pusat dan tempat-tempat di mana pelajar berhimpun. Adakah Yang Berhormat Menteri hendak menjawab atas soalan tambahan itu?

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa seperti mana yang telah saya terangkan tadi kadangkala kita tidak dapat alamat-alamat ke semua pelajar-pelajar itu. Itulah sebabnya saya rasa Menteri Pelajaran telahpun berkata iaitu jikalau boleh penuntut ini mendaftarkan diri mereka supaya alamat-alamat mereka mudah diketahui oleh perwakilan kita dan jika ada alamat-alamat mereka, akhbar akan dihantar kepada mereka, jika ada naskah-naskah yang mencukupi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri samada beliau bercadang hendak mengeluarkan risalah-risalah khas ditujukan kepada pelajar-pelajar di satu-satu negeri umpamanya satu risalah khas untuk pelajar-pelajar di New Zealand dan satu risalah khas untuk pelajar-pelajar di United Kingdom, dan Australia dan sebagainya untuk menarik perhatian pelajar-pelajar tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa perkara itu dalam perbincangan Kementeriaannya.

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian ataupun Menteri yang berkenaan bercadang hendak menjemput Pegawai-pegawai Penerangan di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri untuk diberi taklimat yang jelas berkenaan dengan keadaan-keadaan yang berlaku di dalam negeri dan polisi-polisi Kerajaan pada hari ini supaya dapat disebarkan kepada rakyat Malaysia di luar negeri?

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu bagi kita memanggil dan memberi taklimat-taklimat khas di atas perkembangan Malaysia kepada Attache-attache Penerangan yang terdapat di luar negeri. Tetapi jikalau perlu, saya rasa bolehlah kita panggil.

PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA

6. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar ramai pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di Australia kuatir balik ke Malaysia oleh sebab mereka mempunyai pandangan (views) yang progressif dan mereka percaya mereka akan ditahan apabila mereka balik ke Malaysia; jika sedar, apa tindakan telah diambil oleh Kementeriannya untuk menghapuskan perasaan tersebut.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya tidak bersetuju sama sekali dengan dakwaan beliau bahawa ramai pelajar-pelajar Malaysia yang berada di Australia kuatir balik ke Malaysia oleh kerana mereka mempunyai pandangan yang progresif dan kerana mereka akan ditahan apabila mereka balik ke Malaysia.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa pelajar-pelajar yang dikatakan kuatir ini tidak ramai. Mengikut rekod yang ada di Kementerian saya, di Australia ada lebih kurang 6,000 orang pelajar Malaysia; tetapi bilangan yang telah menjadi leftist dan anti-Kerajaan Malaysia tidak besar bilangannya. Mereka inilah yang telah menjalankan kempen-kempen anti-Kerajaan Malaysia, dengan tunjuk-tunjuk perasaan dan propaganda melalui penerbitan-penerbitan mereka bahawa Kerajaan Malaysia adalah suatu Kerajaan Fascist yang menindas pelajar-pelajar di universiti-universiti tempatan, dan memasukkan dalam tahanan pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti-aktiviti pelajar di seberang laut apabila mereka pulang ke Malaysia. Pelajar-pelajar yang membuat tuduhan ini tidak mengiktirafkan Malaysia; pada mereka Malaysia Barat ialah Malaya (termasuk Singapura), dan Malaysia Timur ialah Kalimantan Utara. Dan Ahli Yang Berhormat tentulah sedar siapakah yang menggunakan tafsiran seperti ini di dalam negara kita.

Kita semua tahu bahawa pelajar-pelajar ini bersama-sama dengan pelajar-pelajar Australia telah mengelolakan demonstrasi-demonstrasi terhadap Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita di beberapa buah bandar dalam lawatan beliau ke Australia baru-baru ini. Mereka

memakai topeng kononnya kerana takut mereka dikenal, tetapi sebenarnya untuk menekan bahawa Malaysia sudah jadi sebuah negara yang fascist. Kita patut ingat bahawa penuntut-penuntut yang menunjuk perasaan di dalam negeri ini dengan tidak bertopeng pun dibicara dan jika tidak salah dilepas. Kita tidak menahan sesiapa semata-mata kerana demonstrasi tetapi kerana terlibat dengan kegiatan subversive atau jika memecah undang-undang biasa. Sebenarnya Kerajaan Australia pun menangkap mereka jika mereka memecah keamanan. Kita diberi tahu oleh pihak Polis Australia bahawa tujuan pemimpin-pemimpin demonstrasi-demonstrasi ini bukan sahaja setakat hendak mengganggu atau mengaibkan Perdana Menteri kita; tetapi maksud yang sebenarnya ialah hendak mencederakan Yang Amat Berhormat Tun itu sendiri.

Apakah pandangan dan sikap antinasional, dan kelakuan buruk menghasut dan mencaci Kerajaan kita di Australia itu boleh dikatakan pandangan progresif? Jika ya, apakah Ahli Yang Berhormat pun ingin menunjuk yang ianya juga progresif. Dan jika tunjuk perasaan seperti itu dianggap progresif apakah akan jadi jika ahli-ahli Parti Kerajaan pula tunjuk perasaan terhadap sesiapa yang mereka tidak suka.

Kita juga ketahui bahawa pelajar-pelajar Malaysia yang anti-nasional ini terdapat bukan sahaja di Australia tetapi juga di New Zealand dan di beberapa buah negara lain, dan saya suka mengulangi bahawa mereka ini adalah sebilangan yang kecil dari jumlah kesemua pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di seberang laut. Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dan saya sendiri telah menerangkan kepada mereka ini bahawa jika mereka benar-benar hendak berpolitik mereka boleh balik ke Malaysia, di mana mereka boleh mengambil bahagian dalam politik di sini secara yang diizin oleh undang-undang yang democratic yang kita amalkan di sini. Kerajaan juga sedar bahawa di sebalik hasutan dan propaganda pelajar-pelajar itu, maksud mereka yang sebenarnya ialah supaya mereka diberi kebenaran untuk menetap terus di Australia dan juga di New Zealand. Dengan tindakan dan propaganda mereka itu yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar yang mengambil peranan aktif dalam

aktiviti-aktiviti pelajar di kampus-kampus universiti di seberang laut akan ditangkap dan ditahan apabila mereka pulang ke Malaysia, mereka berharap pihak berkuasa di negara itu akan meluluskan permohonan mereka untuk menetap di sana (permanent stay). Inilah maksud mereka yang sebenarnya. Jika mereka memilih untuk bermastautin dan menjadi warganegara negeri lain, maka saya berkata kepada mereka "Good-bye dan good riddance". Jika mereka betul-betul takut pulang ke Malaysia, maka sudah tentu mereka telah membuat sesuatu kesalahan yang menyalahi undang-undang negara kita. Orang yang bersalah sahaja yang akan takut, tetapi mereka yang tidak bersalah akan pulang juga ke tanah air tanpa apa-apa kebimbangan. Pelajar-pelajar Malaysia memang cukup aktif di Australia dan di New Zealand tetapi sehingga sekarang cuma seorang sahaja yang ditahan dan itupun kerana aktiviti di Malaysia.

Perkara aktiviti anti-nasional oleh pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut akan menjadi suatu perkara yang melarat dan berleluasa jika tidak dikawal. Maka Kerajaan sedang mengkaji semula peraturan-peraturan yang ada sekarang bagi pelajar-pelajar Malaysia yang pergi menuntut di seberang laut, dan Kerajaan mungkin akan meletakkan syarat supaya semua pelajar-pelajar Malaysia yang hendak pergi mesti mendaftar dengan Kementerian Pelajaran dan memberi jaminan. Kerajaan juga sedang mengkaji undang-undang negara ini berkenaan dengan perbuatan-perbuatan yang mengancam keselamatan negara yang dilakukan oleh warganegara-warganegara Malaysia di seberang laut. Jika didapati seseorang pelajar itu benar melanggar undang-undang negeri ini, maka ia boleh ditahan kerana dari segi undang-undang, pelajar-pelajar adalah sama juga seperti orang lain.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berpuas hati dan kalau tidak salah faham saya tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan kalau seseorang pelajar mengambil bahagian dalam demonstrasi, itu bukan menunjukkan beliau ialah seorang subversive. Dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga mengatakan bilangan pelajar yang anti nasional yang ingin mendapat P. R. (Permanent Residence) di Australia atau di New Zealand atau

negara-negara lain bilangannya adalah kecil sahaja. Adakah beliau sedar kebanyakan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri mereka mempunyai pandangan (views) atau perasaan yang progresif umpamanya mereka apabila dengar keadaan kemiskinan di tanah-air kita mereka telah berbual-bual di kalangan mereka dengan mengatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan tidak mencukupi atau tidak sesuai. Mereka juga khuatir kalau mereka mengeluarkan pandangan seperti itu mereka akan dipandang oleh Kerajaan sebagai seorang yang anti-national ataupun subversif, dan oleh sebab itu mereka khuatir bila mereka balik ke Malaysia kelak. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah tindakan Kerajaan atau Kementerian Pelajaran telah ambil atau akan mengambil supaya kita boleh menghapuskan kebimbangan itu. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri di masa beliau belum lagi menjadi Menteri Pelajaran beliau sendiri ada pergi ke Monash University dan berjumpa dengan pelajar-pelajar di sana. Adakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran supaya kalau Menteri kita ada melawat New Zealand atau Australia janganlah pergi ke rumah Duta sahaja tetapi berjumpa dengan ramai pelajar-pelajar kita dan mengadakan dialog dengan mereka, jangan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan ini ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menggalakkan Menteri lain yang melawat Australia, New Zealand dan London janganlah pergi ke rumah Duta dan berjumpa dengannya sahaja, tetapi berjumpa dan berdialog dengan pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa pelajar-pelajar kita yang dapat pergi ke luar negeri untuk menuntut pelajaran di peringkat yang lebih tinggi tentulah terdiri daripada pelajar-pelajar yang boleh berfikir dengan mendalam tentang sesuatu. Umpamanya, mereka tentulah tahu bahawa teguran terhadap Kerajaan. Di dalam negara kita ini ada orang yang miskin dan pandangan tentang cara-cara mengatasi kemiskinan

bukan sahaja diperbuat oleh penuntut-penuntut, tetapi juga diperbuat oleh Ahli-ahli Pembangkang dan juga penyokong-penyokong Kerajaan. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang menganggap bahawa pandangan yang semacam ini adalah progresif, maka saya bersetuju dengan-nya dan pandangan yang progresif ini tidak terhad kepada pelajar di Australia dan New Zealand, tetapi juga merebak di merata-rata tempat termasuk penyokong-penyokong Kerajaan. Dan di dalam negara kita ini kita belum pernah sekali pun telah masukkan dalam tahanan orang-orang yang berpendapat bahawa orang miskin patut diberi pertolongan.

Kita juga tidak pernah mendengar Menteri atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa siapa yang ada pandangan yang demikian akan dimasukkan dalam tahanan, tetapi saya sendiri telah menegaskan beberapa kali bahawa kalau pelajar-pelajar kita di luar negeri terlibat dalam gerakan-gerakan subversif, menolong orang-orang yang sekarang ini dianggap sebagai musuh kita, maka apabila mereka balik ke negara kita kemudian mereka akan masuk dalam tahanan. Ini berlainan sekali dengan apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, kalau dia menerangkan bahawa pendapat progresif ialah dengan kemiskinan atau ingin mengatasi kemiskinan patutlah dia terangkan, tetapi kita tidak pernah mengancam untuk menangkap dan kita juga tidak pernah menangkap sesiapa kerana memberi pendapat yang demikian.

Saya percaya bahawa satu daripada cara-cara memberi penerangan kepada penuntut-penuntut ini ialah dengan cara Menteri-menteri berjumpa dengan penuntut-penuntut atau berdialog dengan mereka. Perkara ini bukanlah satu cadangan yang baru bahkan saya sendiri telah berkali-kali pergi ke universiti-universiti di dalam dan di luar negeri di waktu saya melawat negeri negeri ini dan berjumpa dengan penuntut-penuntut dan memberi penerangan kepada mereka. Malangnya setengah daripada penuntut ini datang ke majlis forum dengan hati yang tertutup dan tidak sanggup sama sekali mendengar apa juga penjelasan dan penerangan yang diberi oleh kita. Mereka sudahpun tertakluk dengan perasaan bahawa mereka adalah pejuang untuk orang yang tidak bernasib baik dan mereka sahajalah

yang betul, walaupun kita menunjukkan bukti bahawa mereka tidak betul. Ini yang menjadi masalah dan kalau Ahli Yang Berhormat sendiri dapat memberi penerangan di waktu ia berada di Australia sebelum Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri ke sana, saya percaya bahawa tunjuk perasaan ini tidak berlaku. Tetapi malangnya Ahli Yang Berhormat itu waktu ke sana cuma mengunjungi Gough Whitlam sebagai Perdana Menteri dan tidak berjumpa dengan 6,000 penuntut yang berada di sana.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar apabila saya melawat Australia baru-baru ini saya bukan berjumpa dengan Gough Whitlam sahaja tetapi saya ada berjumpa dengan penuntut-penuntut, pelajar-pelajar di A.N.U. (Australian National University), Monash University, University of Melbourne dan University of La Trobe dan saya ada beritahu kepada mereka walaupun ada pandangan yang progresif, mereka jangan khuatir oleh sebab Kerajaan kita tidak mahu—saya menggunakan bahasa Inggeris di Australia; the Government does not want to make martyrs out of you. Itu menunjukkan yang saya bukan berjumpa dengan Gough Whitlam sahaja malahan saya berjumpa dengan penuntut-penuntut di sana. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tahu pelajar-pelajar di Monash University semua leftists dan mereka pun ada pandangan yang tertutup. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh mengemukakan soalan tambahan, tetapi apa soalan tambahannya?

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi lagi sekali, bolehkah Menteri yang berkenaan menggalakkan, bukan Menteri sahaja, tetapi pegawai-pegawai tinggi yang melawat negeri-negeri lain apabila mereka berbuat demikian mereka berjumpa dan berdialog dengan pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah berjumpa dengan sebilangan daripada penuntut-penuntut kita di Australia dan telah menerangkan bahawa saya tidak akan menangkap mereka kerana pendapat yang

progresif yang ada pada mereka, tetapi nampaknya kesan daripada penerangan ini tidaklah begitu menyeluruh, kerana ada juga demonstrasi yang diadakan di sana setelah penerangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu yang tidak berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong (*Ketawa*).

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung apa yang Tuan Yang di-Pertua menerangkan tadi iaitu kita ada 6,000 orang penuntut di Australia yang bukan duduk setempat sahaja tetapi di seluruh Australia yang begitu besar dan kalau saya memberi arahan kepada pegawai-pegawai pun mustahil mereka akan berjumpa dengan semua penuntut-penuntut itu.

Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa ada satu kumpulan penuntut yang tidak mahu menerima apa jua penerangan yang diberi oleh kita dan kita sedar bahawa mereka inilah yang terlibat di dalam demonstrasi-demonstrasi. Sebenarnya, bilangan mereka ini amat kecil iaitu lebih kurang 20 orang sahaja dan mereka ini diangkut daripada satu bandar ke satu bandar. Orang ini jugalah yang mengadakan demonstrasi dan mereka melibatkan diri mereka dengan satu gulgungan penuntut-penuntut Australia yang sepanjang masa mengadakan demonstrasi, bukan sahaja dengan kerana lawatan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, tetapi berkenaan dengan bermacam-macam masalah di Australia. They are professional demonstrators. Dan kepada mereka ini saya ingat lebih baiklah kalau kita cuma membayar gaji pada mereka supaya mereka dapat melakukan perkara ini di merata-rata tempat yang mereka ingin mengadakan demonstrasi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah Menteri sedar bahawa ada pelajar-pelajar yang khuatir jika balik ke Malaysia, bukan oleh kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri kerana mereka ada membuat apa-apa kesalahan di sisi undang-undang, tetapi oleh kerana mereka ada membantah atau tidak bersetuju dengan dasar-dasar atau polisi-polisi Kerajaan tanpa melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan sabversif

dan perasaan kekhuatiran itu ada sangat meluas. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sedikit kenyataan yang terang untuk memuaskan hati dalam perkara ini?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada sebilangan pelajar-pelajar kita di luar negeri yang tidak bersetuju dengan dasar yang dijalankan di dalam negara kita ini yang mana penduduk-penduduknya terdiri daripada berbagai kaum. Keadaan di dalam negara kita ini tidaklah sama seperti keadaan di negara-negara lain yang mana penduduk-penduduknya terdiri daripada satu kaum sahaja. Di dalam negeri-negeri lain itu mereka boleh bebas mengadakan cara-cara yang dianggap demoktarik bagi mereka, tetapi kalau kebebasan seperti itu diadakan di dalam negara kita ini, maka akibatnya amatlah buruk kepada sebuah negara yang mana penduduknya terdiri dari berbagai kaum. Dasar yang digubal dan diamalkan di dalam negara kita ini adalah yang sesuai sekali untuk negara kita ini memandangkan kepada keadaan di dalam negara kita ini. Kalau mereka tidak bersetuju dengan pendapat ini saya telah menegaskan bahawa mereka boleh mengambil bahagian di dalam bidang politik dan melalui saluran-saluran yang ada mereka boleh cuba membentuk satu dasar yang lain. Tetapi kalau mereka kerana tidak bersetuju dengan pendapat kita tidak ingin balik dan ingin tinggal di negeri asing, maka saya tidaklah dapat memberi galakkan kepada mereka supaya balik, kerana sesiapa yang tinggal di dalam negara kita ini mestilah sayang pada negara ini cukup untuk balik ke sini dan cuba hidup dengan aman damai di dalam sebuah negara yang berbilang kaum ini dan menurut undang-undang dan perintah yang ada di dalam negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Australia dan New Zealand, pelajar-pelajar kita daripada New Zealand yang balik ada ditahan dan disoal oleh pihak yang berkuasa.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak diberi maklumat tentang perkara ini oleh pihak yang berkenaan, tetapi kadang-kala kalau disyaki oleh pihak Polis bahawa mereka itu terlibat di dalam perkara-perkara sabversif mungkin mereka disoal oleh pihak Polis apabila

mereka balik di dalam negara kita ini. Adalah lebih baik kalau mereka disoal apabila mereka balik daripada mereka dimasukkan ke dalam tahanan terus tanpa soalan apa-apa.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Mengikut keterangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, saya ingin mendapat penjelasan adakah Kerajaan kita telah dapat mengesan dengan tepat bilangan mereka, maksud saya pelajar-pelajar yang menunjuk perasaan semasa lawatan Yang Amat Berhormat Tun, samada di New Zealand atau Australia. Apakah tindakan sekiranya dapat maklumat-maklumat itu daripada mereka, samada satu tindakan akan diambil atau mereka itu di-biarkan begitu sahaja.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang akan diambil terhadap mereka ini ialah mengikut undang-undang yang ada di dalam negara kita iaitu sekarang ini undang-undang berkenaan dengan keselamatan dalam negeri jika apa yang dibuat oleh mereka itu melibatkan keselamatan dalam negara kita ini, maka undang-undang yang berkenaan akan dikuatkuasakan ke atas mereka.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada menyatakan kemungkinan bahawa pada masa akan datang pelajar-pelajar yang akan pergi keluar negeri mungkin diminta untuk memberi jaminan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa ada pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik, yang kurang berada mungkin tidak dapat mengadakan jaminan kewangan ini oleh kerana mereka datang daripada kaum yang susah. Oleh hal yang demikian, saya suka hendak bertanya samada Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberi pengakuan bahawa tidak ada penuntut-penuntut yang akan pergi keluar negeri tidak dapat pergi oleh kerana mereka datang dari golongan yang kurang berada tidak dapat hendak memberi jaminan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu sebenarnya terkeluar sedikit daripada soalan yang asas ini, tetapi dengan sebab Yang Berhormat Menteri ada menceritakan

dengan panjang tadi berkenaan dengan hal pelajar-pelajar ini, boleh juga kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawabnya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan bahawa Kerajaan kita ini tidak akan menjalankan sesuatu untuk menganiaya sesiapa. Apa jua yang kita usahakan di dalam negara kita ini ialah untuk kebaikan dan kalau kita percaya bahawa keselamatan dalam negara kita tidak akan terancam, maka kita tidak akan menggunakan kuasa untuk menyekat sesiapa.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran selepas apa yang berlaku di Australia dan New Zealand semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkata samada peraturan-peraturan yang baru diumumkan itupun satu langkah untuk mengurangkan dan menghadkan bilangan pelajar-pelajar Malaysia pergi keluar negeri untuk menyambungkan pelajaran tinggi mereka.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan bahawa kita tidak ingin mengurangkan bilangan pelajar yang akan pergi keluar negeri, tetapi kita ingin mengurangkan bilangan orang-orang yang pergi keluar negeri untuk tujuan lain.

MUTU PELAJARAN DI SABAH

7. Tuan Alex Pang Sui Chee minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sebab-sebab kejatuhan mutu pelajaran di Sabah baik di dalam bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris seperti yang dapat diperhatikan dalam 2 tahun yang lalu ini;
- (b) langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini;
- (c) mengapa guru-guru yang dipinjamkan (seconded) tidak suka berkhidmat di Sabah; dan
- (d) mengapakah beberapa buah sekolah di luar bandar masih tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti bilik-bilik darjah yang sempurna, asrama dan padang-padang permainan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat ialah:

- (a) Mutu pelajaran di negeri Sabah sebenarnya adalah beransur baik. Walaupun terdapat sedikit kemerosotan di dalam keputusan peperiksaan M.C.E./S.P.M. pada tahun 1974 tetapi bagi keputusan peperiksaan L.C.E./S.R.P. keseluruhannya adalah memberangsangkan yang mana pada tahun 1973 hanya 37% sahaja yang lulus tetapi pada tahun 1974 peratus kelulusan ini meningkat kepada 46%
- (b) Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini keseluruhannya, Pejabat Pelajaran telah menambah bilangan guru-guru yang terlatih di sekolah-sekolah menengah di negeri Sabah dan pada hujung tahun 1974 cuma seramai 45 orang guru-guru sahaja yang tidak terlatih dari seramai 893 orang guru-guru sekolah menengah.
- (c) Mengenai soalan (c) kurang jelas apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kiranya apa yang dimaksudkan ialah guru-guru yang berkhidmat secara pinjaman, guru-guru itu hanya berkhidmat di Sabah untuk tempoh selama 2 tahun sahaja seperti mana yang diarahkan oleh Jabatan Ketua Menteri. Memandangkan kepada jangka masa yang pendek itu maka kurangnya minat guru-guru itu untuk datang berkhidmat ke negeri itu. Tambahan lagi perbelanjaan sara hidup di Sabah adalah lebih tinggi dari di Semenanjung. Ini dapat dilihat daripada angka-angka yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik di mana menunjukkan perbelanjaan sara hidup di Sabah adalah 43% lebih tinggi daripada perbelanjaan sara hidup di Kuala Lumpur.

Walaupun bagaimanapun, kiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah guru-guru yang berkhidmat secara kontrak, di mana mereka itu adalah dilatih khas untuk mengajar di sana, tempoh kontrak yang harus dijalani mereka iaitu selama lima tahun, adalah agak panjang. Oleh itu, Kementerian Pelajaran sedang menimbangkan cara-cara mengatasi masalah ini.

- (d) Untuk menyempurnakan kemudahan persekolahan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, perkara yang penting ialah kewangan yang cukup. Kementerian Pelajaran sebolehnya cuba mengatasi perkara ini tetapi adalah mustahil untuk mengatasinya dalam masa yang singkat. Dalam menyempurnakan kekurangan-kekurangan itu, Kementerian Pelajaran menjalankannya dengan cara berperingkat-peringkat. Dewasa ini perkara seperti itu sedang dan akan terus diatasi demi untuk memperbaiki lagi taraf sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

DOKTOR LULUSAN KOLEJ PERUBATAN DI INDIA

8. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau bercadang mengemukakan sebuah Rang Undang-undang di Parlimen untuk berkehendakkan semua doktor yang dilatih di negara-negara asing mengambil dan lulus dalam suatu peperiksaan kelayakan sebelum mereka diberi Pendaftaran Sementara di bawah Akta Perubatan, 1971;
- (b) samada beliau bercadang menguatkuasakan isi Rang Undang-undang ini satu tarikh yang terdahulu daripada tarikhnya Rang Undang-undang itu diluluskan oleh Parlimen; dan
- (c) samada benar bahawa doktor-doktor yang berkelulusan daripada Kolej-kolej Perubatan di India yang tidak terkandung dalam Jadual II kepada Akta Perubatan, yang telah memohon untuk Pendaftaran Sementara di bawah Akta itu lebih awal daripada bulan Mei, 1975, telah tidak diluluskan Pendaftaran Sementara itu memandangkan kepada Rang Undang-undang yang dicadangkan itu, walaupun doktor-doktor daripada Kolej-kolej tersebut telah dilulus Pendaftaran pada tahun 1974 dan sebelumnya.

Menteri Kasihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (a) Cadangan tentang samada Kementerian Kesihatan patut mengadakan undang-undang memerlukan semua doktor yang dilatih di luar negeri, menduduki satu peperiksaan nilai sedang dikaji dengan telitinya oleh Kementerian saya pada masa ini. Setakat ini, satu keputusan belum dicapai lagi.
- (b) Sekiranya diadakan undang-undang tersebut, ianya tidak akan dikuatkuasakan mulai tarikh yang terdahulu daripada tarikhnya Rang Undang-undang itu diluluskan oleh Parlimen.
- (c) Semua doktor yang mempunyai kelulusan yang tidak termasuk di dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan, 1971 dan yang telah memohon untuk didaftarkan, telahpun didaftarkan, kecuali 5 orang doktor yang telah lulus dari sekolah-sekolah perubatan yang tarafnya belum lagi ditentukan oleh Majlis Perubatan.

IKAN LAUT BERKURANGAN

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa bilangan ikan-ikan laut semakin berkurangan dan jika ya, samada Kerajaan akan menjalankan usaha pemeliharaan ikan laut secara besar-besaran terutamanya ikan jenis baik; dan
- (ii) bilakah Kerajaan menjangka akan dapat mengurangkan bilangan nelayan-nelayan dalam negara dengan melatih mereka untuk pekerjaan-pekerjaan lain dan apakah rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (i) Saya sedar bilangan ikan-ikan laut semakin berkurang, tetapi langkah-langkah untuk memelihara ikan laut secara besar-besaran tidak dapat dijalankan sekarang oleh sebab kita tidak mempunyai pengetahuan tentang faktor-faktor biologi dan ekonomi mengenai jenis ikan tersebut. Walau bagaimanapun potensi untuk ternakan jenis-jenis ikan airpayau dan airtawar

adalah menggalakkan dan ada rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk menggalakkan nelayan-nelayan di dalam bidang ini.

- (ii) Saya jangka bilangan nelayan-nelayan dalam negara kita akan dapat dikurangkan lebih kurang dalam 5 tahun lagi.

Kerajaan sedang menjalankan usaha-usaha untuk memulihkan nelayan-nelayan dengan menempatkan mereka dalam rancangan-rancangan kemajuan tanah seperti rancangan FELDA dan FELCRA. Sementara itu, satu rancangan khas untuk menempatkan kira-kira 1,000 orang keluarga nelayan akan dilaksanakan di Rasau/Kerteh, Trengganu, meliputi satu kawasan seluas 20 ribu ekar. Rancangan ini di jangka akan disempurnakan dalam tahun 1980.

PERBELANJAAN BAGI SURUHANJAYA TINGGI

10. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) jumlah wang yang dibelanjakan setahun bagi setiap Kedutaan yang besar di Luar Negeri;
- (b) tugas-tugas serta kewajipan tertentu Kedutaan-kedutaan tersebut.
- (c) samada beliau sedar bahawa kaki-tangan di Kedutaan Luar Negeri menganggap mereka ditempatkan di situ untuk makan angin serta menikmati keistimewaan kereta tidak dikenakan cukai; minuman keras; rokok; termasuk elaun luar negeri tanpa mengambil berat akan kewajipan mereka; dan
- (c) samada beliau bersetuju mengadakan satu sistem penukaran tahunan "Annual Rotation" bagi kesemua kaki-tangan Kedutaan kita supaya mereka akan menjalankan tugas mereka seperti dikehendaki serta mempopularkan Malaysia yang masih tidak diketahui oleh orang-orang di luar negeri.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj):

- (a) Perbelanjaan hitung panjang bagi sebuah Kedutaan atau Suruhanjaya Tinggi yang besar ialah lebih kurang \$767,000 dalam tahun 1973 dan

\$861,000 dalam tahun 1974. Bagi 6 bulan pertama tahun 1975, perbelanjaan hitung panjang ialah \$469,000.

- (b) Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan menubuh Kedutaan kita di sesebuah negara itu pada umumnya ialah untuk memupuk dan mengekalkan perhubungan persahabatan di antara negara kita dengan negara itu dan untuk menjaga kepentingan negara kita dari segi politik dan ekonomi dan juga memberi kemudahan apa yang boleh kepada warganegara kita yang berada di negara itu.

Pegawai-pegawai Kedutaan kita adalah ditugaskan untuk mencapai matlamat-matlamat itu serta menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke dalam negeri kita dan menggalakkan penyertaan negara-negara itu dalam Rancangan Pembangunan negara kita. Mereka juga ditugaskan untuk memperojectkan imej baik Malaysia dan menyebarkan penerangan mengenai dasar dan perkembangan di Malaysia.

- (c) Mengenai soalan (c) pula, saya percaya Ahli Yang Berhormat telah tersalah anggap terhadap pegawai-pegawai Kementerian ini. Di sini suka-lah saya menegaskan bahawa saya sangat berpuashati dengan dedikasi dan inisiatif yang ditunjukkan oleh mereka semasa bertugas di luar negeri. Setiap mereka yang bertugas di luar negeri telah memberi sumbangan kepada kejayaan perlaksanaan dasar luar kita. Kejayaan-kejayaan kita di arena antarabangsa adalah bukti yang paling nyata kepada "professionalism" dan dedikasi mereka dalam menjalankan tugas. Ahli Yang Berhormat seharusnya menyedari hakikat bahawa pegawai-pegawai kita semasa bertugas di luar negeri membuat pengorbanan yang besar kerana setiap kali bertukar keluar negeri terpaksa meninggalkan kaum keluarga dan sanak-saudara di Malaysia sementara menyesuaikan diri dengan keadaan dan suasana yang asing dan baru kadang-kadang "hostile" pula. Di tempat-tempat yang tidak begitu tenteram kadangkala mereka terpaksa mengadap gangguan dan ancaman kepada keselamatan diri mereka dan keluarga mereka sendiri.

- (d) Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya pegawai-pegawai kita ditukarkan pada tiap-tiap tahun adalah tidak praktikal. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, tiap-tiap pertukaran itu melibatkan perbelanjaan yang besar dan tentunya membawa "dislocation" kepada keluarga pegawai itu. Pertukaran pada tiap-tiap tahun juga boleh menghadkan kebolehan seseorang diplomat itu kerana ia harus mengadakan hubungan rapi dengan pegawai-pegawai Kerajaan dan pemimpin yang biasanya mengambil masa.

Justeru itu Kementerian saya dalam hal pertukaran pegawai ini mengikut satu sistem yang lebih menasabah dan lebih praktik di mana seseorang pegawai biasanya dikehendaki berkhidmat di sesuatu tempat selama di antara 2 hingga 3 tahun. Dengan ini kesulitan-kesulitan tersebut dapat dikurangkan dan "continuity" dalam kerja juga dapat dikekalkan.

SETOR PERUBATAN DAERAH BUKIT MERTAJAM

11. Tuan Tan Cheng Bee bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan berkenaan dengan Setor Perubatan bagi Utara Malaysia Barat yang berharga lebih dari \$450,000 yang akan dibina dalam kawasan Hospital Bukit Mertajam bermula kerjanya dalam bulan Ogos, 1973 dan telah dijadual untuk siap di awal tahun 1974. Tapaknya telah dibersihkan dan hingga hari ini hanya parit-parit untuk meletakkan asas telah dipenuhi bilamana kerja-kerja itu berhenti serta-merta. Mengapakah kerja-kerja bagi projek ini telah berhenti sejak tahun 1973 dan berapa banyakkah wang yang Kerajaan telah belanjakan berhubung dengan kerja-kerja ini, selain dari kesusahan yang dilakukan kepada Kementerian Kesihatan dan mengecewakan orang ramai. Adakah projek ini telah dimansuhkan, dan jika tidak, bilakah kerja-kerja dijangka akan bermula dan tarikh dijangka siap kelak.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Kontrek untuk pembinaan Setor Perubatan Daerah Bukit Mertajam yang berharga \$684,280.05 telah diberhentikan apabila didapati pemborong yang berkenaan gagal untuk memenuhi kehendak-kehendak dalam kontrek.

Kemajuan pekerjaan didapati terlalu lambat dan tidak memuaskan walaupun bantuan sewajarnya diberikan oleh pihak J.K.R. seperti nasihat-nasihat teknik, perlanjutan tempuh kontrek dan sebagainya. Kontrek tersebut yang telah bermula pada 1hb September, 1973 dan dijadualkan siap pada 31hb Oktober, 1974 telah dilanjutkan sehingga 28hb Februari, 1975. Kontrek ini akhirnya diberhentikan pada 9hb Mei, 1975 tanpa sebarang denda apabila didapati syarikat itu tidak berupaya untuk menyiapkan kontreknya. Hanya satu bayaran kemajuan sahaja sebanyak \$35,500 dibuat apakala 5% pekerjaan itu siap.

Tindakan sedang diambil oleh pihak J.K.R. untuk memanggil semula tawaran dan kerja (di tapak) dijangka akan bermula pada awal tahun 1976. Pembinaannya dijangka mengambil masa lebih kurang setahun.

KACANG SOYA/JAGONG— PENANAMAN

12. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada kajian telahpun dibuat tentang kemungkinan penanaman kacang soya dan jagong oleh pekebun-pekebun kecil kerana tanaman-tanaman ini adalah punca makanan yang bernilai untuk konsumsi manusia dan binatang.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kajian telahpun dibuat tentang kemungkinan penanaman kacang soya dan jagong oleh pekebun-pekebun kecil.

Penanaman kedua-dua jenis tanaman ini melibatkan kos tinggi bagi pengeluarannya. Inilah satu faktor yang penting yang menghalang pekebun-pekebun kecil menanam tanaman-tanaman ini. Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian sedang menjalankan kajian untuk meningkatkan hasil tanaman-tanaman ini dan mengurangkan kos pengeluarannya.

PENGAIARAN SUNGAI MANIK

13. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki sistem perairan dan jalan di kawasan menanam padi Sungai Manik.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, ada cadangan untuk melengkapkan kawasan pengairan Sungai Manik dengan sistem pengairan dan saliran yang cekap, yang akan memakan belanja kira-kira \$15 juta. Memandang kepada corak kerja yang hendak dijalankan, maka adalah perlu bagi kerja-kerja pembinaan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat meliputi tempuh 10 tahun.

TANAH LOMBONG SETELAH HABIS PAJAKAN

14. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada sebarang langkah telah diambil untuk menuntut-semula tanah lombong yang telah dipakai yang menyeluruh di seluruh negara supaya tanah yang demikian dapat dibahagikan kepada rakyat yang tidak mempunyai tanah di Malaysia.

Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tanah lombong yang telah dipakai dan habis tempoh pajakannya adalah diberi balik kepada Kerajaan dan ianya dibina di setengah-setengah negeri untuk beberapa kegunaan seperti tapak perumahan, bangunan rumah-rumah pangsa, perindustrian seperti kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan yang lain.

Di Negeri Perak misalnya beberapa kawasan tanah jenis ini telah dirancang bagi tapak rumah kediaman dan diberi kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Sebagai contoh:

- (i) Di Kampung Baru, Buntong dekat Ipoh, seluas 262½ ekar telah dijadikan sebanyak 2,100 tapak rumah kediaman yang diberi kepada mereka yang berpendapatan rendah iaitu pendapatan yang kurang daripada \$300 sebulan;
- (ii) Di Negeri Selangor ada rancangan di Batu 7½, Jalan Ipoh, di mana seluas 320 ekar akan dibina oleh Kerajaan Negeri bagi rumah teres. Begitu juga di beberapa kawasan yang lain;
- (iii) Di Kampung Cheras Baru, seluas 150 ekar untuk 450 lot telah dikeluarkan. Rumah telah siap diperbuat oleh mereka dan diduduki sekarang ini;

- (vi) Di Jalan Sungai Besi seluas 150 ekar atau 200 lot ($\frac{1}{2}$ hingga 1 ekar bagi tiap-tiap satu lot) telah dijadikan tapak kilang-kilang.

Di negeri-negeri lain seperti Pahang dan Johor ada banyak juga tanah lombong sekarang ini yang boleh digunakan untuk perumahan dan sebagainya.

Pendek kata tanah-tanah lombong semacam ini akan digunakan sebaik-baiknya bagi faedah rakyat jelata.

SYARIKAT BUMIPUTRA/BUKAN BUMIPUTRA

15. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan perniagaan yang didaftarkan di dalam tahun 1970-1975;
- (b) bilangan yang dipunyai oleh bumiputra dan bukan bumiputra; dan
- (c) bilangan bumiputra dan bukan bumiputra dalam
 - (i) perniagaan perseorangan;
 - (ii) perkongsian;
 - (iii) syarikat sendirian berhad; dan
 - (iv) syarikat berhad.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Jumlah yang didaftarkan di antara tahun 1970 hingga September 1975 ialah seperti berikut:

Syarikat awam 170 buah dengan 51 buah dipunyai oleh bumiputra dan 119 buah dipunyai oleh bukan bumiputra. Syarikat sendirian berhad ialah berjumlah 14,950 buah, 2,401 buah dipunyai oleh bumiputra dan 12,549 buah dipunyai oleh bukan bumiputra.

Di sektor perniagaan pula jumlah perniagaan yang didaftarkan dalam jangka masa yang sama ialah 143,051 buah dengan 41,338 buah dipunyai oleh bumiputra, 97,581 kepunyaan bukan bumiputra dan selebihnya 4,132 buah dipunyai bersama oleh bumiputra dan bukan bumiputra. Jumlah perniagaan perseorangan bumiputra yang didaftarkan di dalam jangka masa yang sama ialah 29,590 buah dan bukan bumiputra 72,628 buah: Jumlah perniagaan perkongsian bumiputra ialah 11,749 buah dan bukan bumiputra 24,953 buah.

IBUSAWAT TALIPON

16. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa ada tempat-tempat di mana kemudahan-kemudahan talipon sudah disiapkan oleh Kerajaan tetapi pegawai-pegawai Jabatan Talikom masih lagi menjawab kepada pemohon-pemohon seperti berikut: "... berdukacita maka pejabat ini tidak dapat melaksanakan kemudahan ini sekarang oleh sebab kekurangan alat-alat talipon yang diperlu". Apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini supaya tidak berpanjangan; dan
- (b) adakah menjadi dasar Jabatan Talikom hendak melambatkan sesuatu kerja yang kemudahan-kemudahannya sudah ada.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Ada banyak ibusawat-ibusawat talipon baru, sambungan kepada ibusawat-ibusawat yang ada sekarang dan sekim-sekim kebel pelanggan yang telahpun siap baru-baru ini. Pemohon-pemohon adalah diberi terus perkhidmatan sebaik sahaja kemudahan-kemudahan diperolehi. Tidak benar sekali-kali bahawa di mana-mana tempat yang telah siap kemudahan alat-alat Talikom, jawapan diberi oleh Jabatan Talikom menyatakan kononnya alat kurang atau tidak ada, seperti tuduhan dalam soalan itu. Tuduhan itu adalah tidak benar sama sekali. Misalnya di Kuala Lumpur dalam masa empat bulan yang sudah kira-kira 900 pemohon-pemohon telah diberi perkhidmatan dalam kawasan-kawasan Bangsar Park, Bangsar Baru, Bandaraya dan Lucky Garden. Ada kira-kira 680 pemohon-pemohon lagi yang masih menunggu untuk mendapatkan talipon di kawasan-kawasan ini dan mereka akan diberi perkhidmatan dalam masa 3 bulan lagi apabila sekim kebel pelanggan untuk mereka siap. Di kawasan-kawasan Taman Midah, Taman Cheras dan Taynton View, kira-kira 800 pemohon-pemohon telah diberi perkhidmatan baru-baru ini dan 800 pemohon-pemohon lain akan diberi perkhidmatan dalam masa sedikit

bulan lagi. Dalam kawasan Jalan Kuchai Lama ibusawat baru yang mengandungi 5,000 talian telah siap dan sebaik sahaja kebel-kebel pelanggan diadakan dalam sedikit masa lagi pemohon-pemohon dalam kawasan ini akan diberi perkhidmatan.

- (b) Dasar Jabatan Talikom adalah tidak sekali-kali untuk melambatkan sesuatu kerja, tetapi ialah untuk mempercepatkan kerja-kerja supaya perkhidmatan yang memuaskan dapat diberi dengan seberapa segera. Keutamaan yang tinggi adalah diberi kepada menyediakan persediaan alat-alat perkhidmatan talipon dengan cara secepat yang boleh.

RUMAH PANGSA HARGA MURAH BANDARAYA

17. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada pihak Kerajaan akan menimbang menjual rumah pangsa harga murah kepunyaan pihak Bandaraya dalam Wilayah Persekutuan kepada penghuni-penghuni dengan bayaran ansoran sebagai suatu langkah untuk menggalakkan pemilikan rumah-rumah sendiri bagi golongan berpendapatan rendah; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Kerajaan telah membuat keputusan untuk menjual rumah pangsa harga murah Bandaraya.

Untuk penjualan ini, Kanun Tanah Negara terpaksa dipinda dan sekarang ini Pejabat Peguam Negara sedang membuat deraf pindaan-pindaan yang perlu. Sebaik-baik pindaan-pindaan tersebut diluluskan oleh Parlimen dan kerja-kerja pentadbiran termasuk penubuhan satu badan yang akan menguruskan rumah-rumah pangsa tersebut telah diselaraskan, rumah-rumah pangsa itu akan dijual kepada penghuninya.

JALAN SIMPANGAN (BY-PASS) DI PORT DICKSON

18. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan kemajuan yang telah dibuat sekarang mengenai pembinaan Jalan Simpanan (By-Pass) di Port Dickson dan bilakah projek itu akan siap.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kemajuan keseluruhan pembinaan Jalan Simpanan (By-Pass) di Port Dickson iaitu dari batu 0.6 di selatan Bandar Port Dickson ke batu 18.61 Jalan Port Dickson/Seremban pada masa sekarang ialah 32%. Sehingga ini pengambilan tanah telah selesai dan kerja-kerja tanah sedang dijalankan. Sementara itu kerja-kerja ukur (Survey) dan rekabentuk (design) sedang disiapkan oleh Ibu Pejabat J.K.R. Adalah dijangkakan projek ini akan siap pada tahun 1978.

IJAZAH KOLEJ PERUBATAN DI INDIA

19. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau telah melaksanakan jaminan yang beliau telah beri dalam Persidangan Dewan Rakyat yang lepas untuk menghantar sebuah Suruhanjaya Perubatan untuk menilai taraf Kolej-kolej Perubatan di India yang tiada terkandung dalam Jadual II Akta Perubatan, 1971 dan yang mana ijazah-ijazah telah tidak dinilai dahulu di bawah Fasal 12 Akta tersebut.

Tan Sri Lee Siok Yew: Cadangan menghantarkan perwakilan untuk melawat Sekolah-sekolah Perubatan yang tidak termasuk di dalam jadual kedua, Akta Perubatan, 1971, telahpun dipertimbangkan semula, memandangkan bahawa terlalu banyak sekolah-sekolah perubatan yang terlibat. Di sebaliknya, Kementerian saya sedang membuat kajian dengan teliti tentang samada perlu diadakan undang-undang berkehendakkan semua doktor yang berkelulusan luar negeri menduduki satu peperiksaan nilaian sebelum mereka didaftarkan.

PERHUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA CHINA-MALAYSIA

20. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah perhubungan diplomatik di antara China dan Malaysia mendapat kesan dan langkah-langkah tegas yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk memper-tahankan konsep Perkecualian Asia Tenggara.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum penubuhan hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Rakyat China pada tanggal 31hb Mei, 1974 semasa

lawatan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri ke Republik Rakyat China menandakan kemuncak dalam usaha kedua-dua negara itu untuk meresmikan dan memajukan lagi hubungan mereka. Ia mengukuhkan lagi penglibatan negara kita terhadap dasar berkecuali serta mengadakan hubungan persahabatan dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan kita tanpa mengira fahaman politik atau sistem sosial mereka berdasarkan prinsip-prinsip saling hormat menghormati, tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri masing-masing dan hidup bersama. Penubuhan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China adalah sejajar dengan cadangan kita untuk menubuhkan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara. Penubuhan kedutaan masing-masing dalam bulan September 1974, telah diikuti pula dengan penukaran Duta di antara kedua pihak. Penubuhan hubungan diplomatik itu memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk mengkaji dengan lebih luas bidang-bidang kerjasama mengenai masalah-masalah kedua belah pihak, masalah-masalah serantau atau antarabangsa. Hubungan dengan Republik Rakyat China juga akan memberi sumbangan kearah kestabilan politik di rantau ini dan menambahkan peluang-peluang perdagangan diantara kedua negara. Dalam bidang ekonomi kemajuan perdagangan di antara kedua-dua negara setakat ini adalah menggalakkan. Dalam bulan Mei 1973, satu rombongan teknik getah telah melawat Republik Rakyat China. Hasil dari lawatan tersebut negara itu telah membeli 40,000 tan getah dari Malaysia. Masa depan perdagangan kayu balak bagi negara kita adalah baik kerana Republik Rakyat China akan memerlukan bahan-bahan itu untuk industri-industri binaannya dan juga untuk pembinaan landasan-landasan keretapinya. Republik Rakyat China juga telah membuat tempahan untuk membeli minyak kelapa sawit dan dijangkakan kemajuan dalam aspek ini akan dapat dicapai di masa hadapan.

Mengenai bahagian kedua soalan tersebut, konsep Asia Tenggara sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali yang terkandung dalam Pengistiharan Kuala Lumpur 1971, masih dalam kajian satu Jawatankuasa Pegawai-pegawai Kanan ASEAN. Hingga sekarang jawatankuasa

tersebut telah mengadakan beberapa mesyuarat dan kemajuan telah tercapai dalam kajiannya tentang cara-cara mengujudkan kawasan itu. Malaysia akan terus mengambil peranan yang positif dalam usaha-usaha jawatankuasa itu di masa hadapan dengan tujuan mencapai cita-cita Pengistiharan Kuala Lumpur.

UNIVERSITI MALAYA—AKTIVITI PELAJAR

21. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1975 sangat ketat dan akan mencegah aktiviti-aktiviti pelajar di Universiti tersebut; jika sedar, nyatakan samada beliau akan meminta kaedah-kaedah tersebut supaya sesuai dengan kehendak pelajar.

Dr Mahathir bin Mohamad: Pada fikiran saya kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1975 adalah menasabah dan ianya akan mencegah aktiviti-aktiviti yang tidak sihat sahaja di kalangan pelajar-pelajar. Saya percaya aktiviti-aktiviti yang bertujuan baik akan terus berjalan tanpa halangan oleh kaedah-kaedah itu. Sebenarnya di sebuah universiti bilangan pertubuhan telah bertambah sejak adanya peraturan-peraturan baru.

LEMBAGA LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT

22. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kewangan menerangkan jumlah hasil yang belum lagi dibayar oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat kepada Kerajaan sehingga hari ini dan sebab-sebab kelewatannya.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Lembaga Loteri Perkhidmatan Kebajikan dan Perkhidmatan Masyarakat telah menjelaskan semua pendapatan bersih dari jualan tiket-tiket loteri sehingga ke cabutan loteri ke sepuluh yang telah dicabut pada 20hb Julai, 1975. Pendapatan bersih bagi cabutan loteri yang ke 11 hingga ke 14 yang berjumlah lebih kurang \$1.7 juta masih belum lagi diserahkan. Perlu saya jelaskan di sini bahawa di bawah Seksyen 11 (1) Ordinan Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950, Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat hanya dikehendaki menutup

akaun bagi tiap-tiap cabutan dalam tempoh tiga bulan selepas cabutan itu. Hanya selepas tempoh itulah pendapatan bersih akan diserahkan kepada Kerajaan. Bayaran kepada Kerajaan bagi cabutan loteri ke 11 misalnya tidak sampai masanya untuk diserahkan sehingga 11hb November, 1975. Oleh itu, Lembaga berkenaan tidaklah lewat menyerahkan bayaran kepada Kerajaan.

USUL-USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT— MENANGGUHKAN RANG UNDANG- UNDANG MEMBAHARUI UNDANG- UNDANG (PERKAHWINAN DAN PENCERAIAN)

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) yang tertera sebagai perkara 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan perbincangan selanjutnya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) yang tertera sebagai perkara 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan perbincangan selanjutnya.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KONTREK (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kontrek, 1950 untuk membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan perjanjian-perjanjian biasiswa; di-

bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pinjaman (Tempatan), 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini

WAKIL DALAM JUMA'AH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3.36 ptg.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan usul iaitu:

Bahawa menurut peruntukan perenggan (i) Seksyen 13 kepada Jadual Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Dewan ini dengan ini mencalonkan Yang Berhormat Dr Goh Cheng Teik dan Yang Berhormat Encik Hishamuddin bin Haji Yahya menjadi wakilnya dalam Juma'ah Universiti Kebangsaan Malaysia selama tempoh 3 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, masih ingat pada 18hb Disember, 1974 Dewan ini telah meluluskan satu usul melantik empat orang wakil untuk menjadi Ahli-ahli Juma'ah Universiti Kebangsaan Malaysia, tetapi dengan berkuatkuasanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan), 1975 mulai daripada 12hb Mei, 1975, maka keahlian Juma'ah Universiti Kebangsaan Malaysia yang lalu adalah dengan sendirinya terbatal. Bagaimanapun, mengikut peraturan baru iaitu Seksyen 13 (i) Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan), 1975, Juma'ah Universiti Kebangsaan Malaysia adalah juga terdiri daripada dua orang wakil Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul ini untuk diluluskan.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil peluang ini untuk memberi sedikit ulasan. Oleh kerana kita diminta melantik dua orang sebagai wakil-wakil Dewan Rakyat kepada Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia, saya harap mereka kedua-dua wakil boleh menyampaikan bukan sahaja pendapat-pendapat Kerajaan tetapi juga pendapat-pendapat Dewan Rakyat dan orang ramai yang memilih Ahli Dewan Rakyat. Dengan semangat itu saya memberikan pendapat mengenai dua perkara dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah lancar gunakan Bahasa Malaysia teruskan dalam Bahasa Malaysia. Ini Court, bukan Majlis, bukan Council—Court. Setahun sekali mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, Universiti Kebangsaan adalah satu gambaran di kalangan orang ramai bahawa sesebuah universiti predominantly untuk satu golongan kaum. Itu satu gambaran yang bertentangan dengan objektif membina sebuah masyarakat berbilang bangsa dan tujuannya mengurangkan identification badan-badan Kerajaan atau institusi-institusi Kerajaan dengan satu kaum.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Sekarang bukan membincangkan masalah universiti. Setuju atau tidak dihantar dua orang Ahli Yang Berhormat itu. Jadi janganlah Ahli Yang Berhormat mengambil kesempatan membincangkan hal universiti. Soalnya setuju atau tidak. Kalau perkara lain daripada itu, saya tak benarkan lagi bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana persetujuan atas perkara inipun bergantung atas peranan yang mereka mainkan dalam Council itu dan mengenai kebolehan mereka untuk menyampaikan pendapat-pendapat Dewan Rakyat, dan dengan sebab itu saya rasa peluang ini sekarang pun sangat sesuai untuk menyampaikan pendapat-pendapat mengenai beberapa perkara yang ada berkaitan dengan Universiti Kebangsaan dan boleh jadi satu panduan untuk kedua-dua wakil yang kita akan lantik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pendekkan sahaja ucapan Ahli Yang Berhormat supaya dapat kita bincangkan Rang Undang-undang yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dengan sebab itu saya harap wakil-wakil kita boleh menggunakan kesempatan mereka di jumaah itu untuk membuat satu perubahan untuk menukar Universiti Kebangsaan bukan sebagai satu universiti khas yang predominantly untuk satu kaum tetapi untuk semua warganegara pelajar-pelajar semua keturunan yang boleh menjadikan Universiti Kebangsaan yang sebenar-benarnya satu Universiti Kebangsaan di mana pelajar dari semua keturunan boleh mendapat tempat, oleh kerana seperti mana kita nampak angka-angka universiti intake di tahun-tahun akademik 1973/1974 dan 1974/1975 dan baru-baru ini, kemasukan angka pelajar ke universiti ialah:

Melayu	...	...	...	2,099
China	...	...	...	140
India	...	...	...	39
Lain-lain	...	...	...	2
JUMLAH				2,280

Saya harapkan perkara ini boleh dibincangkan dalam Jumaah itu dan kedua-dua wakil kita boleh mengemukakan hal ini bahawa sebuah universiti boleh diselaraskan dengan tujuan membina satu masyarakat yang berbilang bangsa.

Perkara yang kedua ialah saya harap bahawa kedua-dua wakil kita boleh lebih bersimpati dengan aspirasi pelajar-pelajar dan menyuarakan soal-soal pelajar di mana kegiatan mereka boleh dapat lebih dikurangkan tidak semacam sekarang ada peraturan-peraturan baru (tatatertib) yang mengikatkan kegiatan pelajar-pelajar di Universiti Kebangsaan di mana mereka sekiranya melanggar peraturan itu, boleh didenda maksima \$200 atau disuspend atau diexpel daripada Universiti oleh kerana jika diexpel merupakan satu hukuman mati untuk harapan pelajar tinggi kepada seorang pelajar, satu perkara yang sangat besar dan dalam peraturan-peraturan itu kita dapat tahu bahawa sekiranya ada seorang pelajar dituduh (charge), didakwa di mahkamah, digantung, suspended daripada Universiti. Kita tahu di Malaysia selalu ada kes-kes

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini panjang sangat kisahnya Ahli Yang Berhormat, tak teringat oleh wakil kita dua orang itu untuk menyampaikan kepada Jumaah Universiti yang setahun berjumpa sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Ini mustahak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong ringkaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada kes-kes lama dua tiga tahun ertinya ialah apabila seorang pelajar dituduh di mahkamah kerana melanggar apa-apa peraturan atau apa-apa charge, dia disuspend untuk dua tiga tahun dan sungguhpun dia selepas dua tiga tahun dia innocent dan berjaya dalam kes itu, dia tidak boleh mendapat tempat lagi, dan saya harap bahawa kedua-dua wakil boleh sampaikan suara-suara bukan sahaja pendapat Kerajaan tetapi juga pendapat dan pandangan wakil rakyat dan orang ramai oleh kerana Dewan Rakyat adalah satu badan yang mewakili orang ramai.

3.46 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Keping): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap se-patah dua tentang usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya berharap kedua-dua wakil kita boleh mengambil perhatian atas pandangan saya. Apabila Universiti Kebangsaan ditubuhkan, tentulah pada masa itu ada warganegara kita yang bukan bumiputra yang taraf Bahasa Malaysia tidak begitu lengkap dan oleh itu mereka tidak dipilih sebagai pelajar di Universiti Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, lima tahun dahulu saya telah mengambil bahagian dalam suatu forum yang dihadiri oleh Menteri Undang-undang, Tuan Yang di-Pertua sendiri dan saya dan tajuk forum itu ialah "Peranan Universiti Kebangsaan di Tanahair Kita". Di dalam ucapan saya, saya pun ada sebut tentang pengambilan mahasiswa ke Universiti Kebangsaan. Saya menyatakan pada masa itu sesuai dan saya bersetuju tentang sedikitnya bilangan pelajar bukan bumiputra diambil oleh Universiti Kebangsaan, tetapi makin lama makin bertambah kemahiran Bahasa Malaysia oleh pelajar-pelajar yang bukan bumiputra dan oleh itu saya pada masa itu berharap di masa akan datang pelajar-pelajar

yang diambil oleh Universiti Kebangsaan boleh merupakan masyarakat kita yang berbilang kaum. Pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, kita sedar kebanyakan pelajar di sana telah membangkang dan membantah pendapat dan pandangan saya, tetapi saya menyatakan kalau sekiranya universiti itu hendak menjadi Universiti Kebangsaan untuk semua warganegara dalam negara kita universiti itu mesti dan perlu mengambil pelajar-pelajar daripada pelajar yang bukan bumiputra juga. Dan saya berpuas hati rakan-rakan saya yang mengambil bahagian dalam forum itu bersetuju dengan pandangan saya.

Pada masa sekarang saya berpendapat ada lebih pelajar yang bukan bumiputra telah diambil oleh Universiti Kebangsaan dan saya berharap makin lama makin bertambah pelajar-pelajar bukan bumiputra yang boleh diambil oleh Universiti Kebangsaan. Oleh sebab taraf Bahasa Malaysia pelajar-pelajar bukan bumiputra yang akan keluar daripada sekolah-sekolah menengah makin lama makin bertambah tinggi dan mereka apabila lulus S.T.P. mereka mahir dalam Bahasa Malaysia dan mereka boleh mengikuti semua kursus yang dijalankan di dalam Universiti Kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan mengapakah kerap kali apabila kita melantik pegawai daripada Dewan ini atau apa-apa badan pada hari ini ialah kepada Jumaah Universiti Kebangsaan. Pada masa dahulu saya masih ingat Dewan ini telah melantik 4 orang wakil ke Universiti Malaya, tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, wakil daripada Dewan ini semuanya datang daripada pihak yang berkuasa atau pada masa itu daripada Perikatan dan pada masa sekarang daripada Barisan Nasional. Saya berharap pada masa akan datang bila Kerajaan bercadang hendak menghantar wakil dalam apa-apa badan silalah mengambil perhatian Dewan ini bukan untuk Barisan Nasional sahaja tetapi untuk semua Ahli Dewan ini, dan kita di sini pun ada wakil yang berpengalaman di dalam pelajaran tinggi juga dan diharaplah pilih satu-dua daripada pihak Pembangkang supaya di dalam Jumaah Universiti masing-masing di tanahair kita tidak ada pandangan yang bukan serupa sahaja. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Macam mana hendak satu-dua, hendak pilih dua sahaja. Kalau sudah satu-dua dari pihak Pembangkang 19 orang menjadi 135.

Dr Tan Chee Khoo: Ini dua sahaja tetapi ada universiti sampai 4 orang wakilnya. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bermakna saya ingin menjadi wakil Jumaah Universiti tetapi ada rakan-rakan saya daripada pihak Pembangkang yang boleh mengambil peranan yang baik, sesuai dan jujur di dalam apa-apa badan yang Kerajaan hendak lantik wakil daripada Dewan ini. Ini saya hendak tegaskan bukan bermakna saya membantah atas pengambilan Dr Goh Cheng Teik atau Encik Hishamuddin bin Haji Yahya—saya bersetuju tetapi saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian atas pandangan yang disebutkan oleh saya.

3.53 *ptg.*

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan sedikit perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ahli Yang Berhormat itu nampaknya cuba juga dalam Dewan ini dari hari semalam membuat usul seperti yang telah ditolak oleh Dewan ini membangkitkan juga masalah perkauman, iaitu Melayu, China dan India, itu juga yang ditekankan sampai hari ini.

Yang sebenarnya, dari segi kita sebut Universiti Kebangsaan itu, tidak timbul lagi masalah jenis-jenis kaum. Yang sebenarnya menjadi hasrat Kerajaan dan universiti kita untuk membuka dengan seluasnya kepada seluruh rakyat kita, tetapi buat masa ini kita ada Universiti Malaya, ada juga semua kaum di sana, kita ada Universiti Sains, kita ada Universiti Kebangsaan dan kita tahu juga pelajar-pelajar kita belajar di luar negeri seperti di New Zealand, di Australia, di Amerika, di London dan berapa banyak lagi pelajar-pelajar kita. Jadi kita boleh nampak satu aspek Universiti Kebangsaan itu kita comparekan dan kita cuba jadikan perkara politik yang cuba hendak mengabui mata rakyat dan membangkitkan sentimen di luar Dewan. Ini yang merbahaya, Tuan Yang di-Pertua. Memang kita telah kaji bahawa Jumaah yang kita lantik mewakili Dewan ini ialah orang-orang yang benar-benar layak seperti Yang Berhormat

Dr Goh Cheng Teik, salah seorang bekas pensyarah di universiti kita. Dia saya rasa berdarah keturunan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, jadi sebenarnya kita tidak mahu sebut masalah perkauman. Kita sekarang ini orang Malaysia. Dr Goh Cheng Teik, Kamaruddin, Lee Lam Thye ataupun Lim Kit Siang—kita orang Malaysia, jangan sebut kita orang China, Melayu, India, sampai bila anak-cucu kita akan berpadu, sampai bila?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan samada UMNO akan dibubarkan oleh kerana ialah sebuah parti untuk Melayu sahaja.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tidak perlu, itu tidak berbangkit!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: (Kepada Tuan Lim Kit Siang) Jangan ganggu semasa seseorang Ahli lain yang sedang bercakap melainkan di bawah Peraturan 37. Sila teruskan!

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka minta supaya lebih simpati kepada pelajar-pelajar universiti. Saya yakin wakil-wakil Jumaah yang kita pilih dari Dewan Rakyat yang bertuah ini memang orang-orang yang mempunyai simpati dan pandangan yang luas. Kita mahu melahirkan jenerasi-jenerasi yang baik pada masa akan datang. Anak-anak kita yang masih di bangku sekolah Rendah, Menengah, Kolej dan Universiti sekarang ini adalah bakal menjadi pemimpin-pemimpin pada masa yang akan datang. Kita mahu mereka itu mempunyai moral, kita mahu mereka itu mempunyai akhlak, maka dengan sebab itu bagi kanak-kanak tidak ada lain, mesti ada peringkat-peringkatnya yang mesti dipimpin, mesti ditegur, mesti diajar dan mesti dibuat peraturan dan jika perlu dibuat Akta seperti Akta Universiti. Tujuannya? Tujuan baik untuk anak kita. Bila kita tidak ada dalam dunia, merekalah yang akan menggantikan kita kelak, merekalah yang akan menjadi pemimpin-pemimpin, merekalah yang akan menjadi orang-orang yang baik. Contohnya, bagaimana acuan begitulah kuehnya; bagaimana tepuk begitulah tarinya. Inilah yang kita harapkan Jumaah ini

akan memimpin mengikut Akta Universiti yang telah kita adakah itu bagi melahirkan anak-anak kita yang baik. Bukan kita hendak anak-anak kita pergi ke Universiti buat kerja yang lain daripada belajar. Pakai topeng misalnya duduk di tepi jalan bawa piket, bukan kerja dia. Kerja dia ialah belajar. Kalau anak saya pergi ke universiti saya mesti suruh dia pergi belajar, bukan awak punya kerja. Kalau dia berpiket seperti itu awak balik ke rumah jaga kerbau, jaga lembu lebih baik, tanam sayur lagi dapat faedah bagi negara ini. Dengan sebab itu, kita mesti ada peraturan, mesti ada disiplin, ada tata-tertib sedikit. Jadi, saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang berdua ini akan mempunyai simpati dan mempunyai pandangan yang jauh dari segi negara, dari segi perpaduan rakyat dan dari segi meninggikan imej pelajar-pelajar universiti dan nama baik negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah menyentuh berhubung dengan perkara supaya merengankan sedikit dari segi masalah bahasa. Masalah Bahasa Malaysia ialah Bahasa Kebangsaan. Bahasa Kebangsaan ini menjadi bahasa negara. Cuba kita balik kepada masa penjajah. Kenapa semua orang boleh bercakap bahasa Inggeris, kenapa tidak ada seorang pun komplek, kenapa ini bukan "mother tongue", bukan lidah aku. Kita boleh bercakap bahasa Inggeris. Semua kaum boleh bercakap bahasa Inggeris bahkan pada masa Jepun, saya masih ingat lagi ketika saya mengaji bahasa Jepun, Tan Sri Haji Hamdan Sheikh Tahir, Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran, boleh bercakap bahasa Jepun "Nippon Goh" sampai hari ini tetapi dia bukan orang Jepun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ramai orang yang boleh bercakap bahasa Jepun tetapi tidak digunakan!

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, hendak membezakan, kata orang kita mengikut suasana. Kalau masa Jepun dahulu kita tidak mahu cakap "Nippon Goh" tahanlah pipi kita itu, Jepun boleh sepak pipi kita, kalau tidak "kepala potong" senang

sahaja—habis kita. Jadi kalau masa Jepun kata orang: masuk kandang kambing mengembik, masuk kandang kerbau menguak; di mana bumi kita pijak di situ langit kita junjung. Kenapa bila sampai masalah Bahasa Kebangsaan yang hendak kita laksanakan 18 tahun sudah berlaku sampai masa inilah kita hendak pekik, ini main politik, sentimen. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang dibawa oleh pihak Pembangkang dan pihak Kerajaan memang memandang tinggi masalah ini dari segi keselamatan negara dan keharmonian serta kemajuan hidup bangsa dan negara kita pada masa akan datang. Dan Ahli Yang Berhormat itu menuduh selalunya Lembaga-lembaga seperti ini atau Jumaah-jumaah yang dilantik, dipilih bagi pihak Kerajaan. Kalau dahulu katanya daripada Perikatan, sekarang daripada pihak Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, siapa lagi kita hendak harapkan kalau tidak harapkan anak kita sendiri. Kalau kita harapkan orang lain belum tentu dia boleh bawa imej kita itu baik. Walaupun begitu, Kerajaan tidak pernah memandang sepi juga kepada pihak-pihak Pembangkang. Ada juga kadang-kadang dipilih untuk mewakili negara kita keluar negeri seperti dalam persidangan-persidangan peringkat antarabangsa misalnya ada juga dipilih wakil tetapi dari segi ini, maka secara kebetulan sahaja oleh kerana mereka yang dipilih itu kita agak ahli profesional dan orang yang kita nampak layak menduduki tempat tersebut maka inilah pihak Kerajaan memilih dua nama tadi mewakili Dewan ini untuk menduduki Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia. Sekian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan perenggan (i) Seksyen 13 kepada Jadual Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Dewan ini dengan ini mencalonkan Yang Berhormat Dr Goh Cheng Teik dan Yang Berhormat Encik Hishamuddin bin Haji Yahya menjadi wakilnya dalam Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia selama tempoh 3 tahun.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *memengerusikan Mesyuarat*)

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1975

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 73 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengadakan Nombor Kepala Tarif baharu, iaitu 28.11.100 ke atas "arsenic pentoxide" dan "acids of arsenic" dan mengenakan duti impot 26 sen sepau ke atas "arsenic pentoxide" dan "acids of arsenic" tersebut. Duti yang dikenakan ini merupakan duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Palajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. St. 73 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1975

4.03 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1975 yang telah dibentangkan di

hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 74 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1975 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 74 tahun 1975 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.06 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk satu Akta bagi meminda Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan), 1956. Dengan pindaan ini semua iklan mengenai ubat hendaklah diluluskan oleh Lembaga Ubat (satu Lembaga yang akan ditubuhkan oleh Menteri), sebelum iklan-iklan itu disiarkan.

Undang-undang yang ada sekarang ini tidak membenarkan pengiklanan sesuatu barang itu dengan menggunakan perkataan-perkataan yang bermaksud menggalakkan orang ramai menggunakan barang itu sebagai ubat untuk rawatan penyakit-penyakit serious seperti kencing manis, gila babi, darah tinggi, barah dan sebagainya. Tetapi pengiklanan ubat-ubat bagi penyakit-penyakit serious seperti itu adalah dibenarkan dalam Majalah Professional untuk doktor-doktor, Ahli-ahli

Kimia Ubat, Jururawat-jururawat dan Bidan-bidan. Pengiklanan ubat itu juga dibenarkan dalam penerbitan-penerbitan untuk ahli-ahli penguasa tempatan atau badan-badan yang mentadbirkan sesebuah hospital awam.

Adalah dirasakan bahawa "indiscriminate advertisement" bagi ubat-ubat untuk segala jenis penyakit akan mendatangkan mudarat kepada orang ramai kerana iklan-iklan demikian mungkin menggalakkan orang ramai mencuba merawat diri mereka sendiri dan ini pula mungkin akan mengakibatkan ubat itu disalahgunakan. Iklan-iklan sedemikian juga mungkin akan mengelirukan orang ramai dan pengguna-pengguna mengenai kegunaan sesuatu ubat itu dengan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen-seksyen (4) dan (5) dan penambahan satu seksyen baru iaitu Seksyen (7), semua iklan-iklan ubat hendaklah diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat. Lembaga ini akan terdiri dari 5 orang pakar dalam berbagai bidang perubatan, farmasi, pharmacology, bahagian siaran radio dan TV. Dengan cara ini, Kementerian saya dapat menentukan bahawa pengiklanan sesuatu ubat itu adalah benar dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar Rang Undang-undang bertajuk satu Akta bagi meminda Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, dibaca kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.10 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayar Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah mencadangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ialah salah sebuah negara di Tenggara Asia yang mana taraf perkhidmatan perubatannya boleh dikatakan terlampau tinggi dan moden. Kita sedar bahawa banyak teknik dan jenis perubatan yang terakhir boleh didapati di dalam negara kita pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat saya ingat fasih dalam Bahasa Malaysia.

Dr Hee Tien Lai: Oleh sebab ada technical terms.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Bolehlah dicampur-campurkan.

Dr Hee Tien Lai: Saya akan cuba mana-mana yang boleh.

(*Dengan izin*) Although more and more people in our country seek modern medical treatment, there are many illiterate and innocent people who still resort to traditional and native medicines when they are ill. Admittedly, although in some aspects native and traditional medicines still have their usefulness, but in these days modern medicine has successfully proven its worth especially in its use for the transplanting of heart, limbs and other organs. It has better and fuller understanding of the human mind and body and modern medical products can also be produced cheaply and they are safer especially

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, kalau boleh, pandang juga kepada saya masa Ahli Yang Berhormat berucap.

Dr Hee Tien Lai: when prescribed by the right persons, e.g. professionally qualified people. We must educate our people so that they will make fuller use of the modern medical and health facilities offered to them by our Government in the hospitals and other health centres and not fall victims to costly, expensive medicines which have no proven medical values at all, whether for the purpose of prevention or cure.

This Bill, Tuan Yang di-Pertua, which seeks to amend the Medicines (Advertisement and Sale) Ordinance, 1956 will benefit the innocent, illiterate and gullible public who fall victims to advertisements such as we see or hear everyday in the newspapers, TV, radio or in the cinemas. Some of these advertisements come out with ridiculous claims, e.g. there is now a popular tonic drink which claims to contain about 12

ingredients capable of combatting body fatigue, cleans tired blood, strengthens the pregnant mother and cures rheumatism or so-called "sakit angin", etc. There are others, e.g. a fizzy medical drink which when taken claims to fizz out the heat and fire from inside the body like a waterfall does. There are also so-called rejuvenating pills which claim to boost up the sexual potency and rejuvenate the old and the aging. Then there are people who advertise themselves as kidney specialists, expert bone setters and expert in women's diseases, etc. claiming that their medicines can cure all illnesses. These are but only a few of the innumerable examples.

Tuan Yang di-Pertua, unfounded claims should be subjected to tests and research before they are allowed to be advertised as such. I hope this new Bill, when gazetted, will put an end to such unfounded claims and advertisements.

Just one more point, Tuan Yang di-Pertua, I would like to propose here is that standardised pharmacologically-accepted nomenclatures or terms such as those found in the medical pharmacopoeia be used to denote the contents and ingredients of all medical products. Tuan Yang di-Pertua, such terms as appear often in the advertisements as "extract of Korean deer horn—?%" "extract of that leaf—?%" or as stated on the boxes; "oil of this and oil of that" and "cream of this and cream of that—? %"—they are meaningless and often misleading and even dangerous. They do not even have any proven medical values at all.

Lastly, Tuan Yang di-Pertua, I urge the Ministry concerned to have stricter controls concerning the sale of drugs where presently, all kinds of scheduled and unscheduled drugs are freely available over the counters. Even tablets with KK on them (Kementerian Kesihatan) are readily available at the druggist stores.

4.14 ptg.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi dan ingin juga memberi serba-sedikit pandangan di atas tujuan dan pelaksanaan Undang-undang asal yang masih ada sekarang.

Adalah benar bahawa masalah yang kita hadapi di Malaysia kerana iklan-iklan dan kegunaan ubat-ubat, adalah masalah yang sangat besar. Ubat-ubat yang merbahaya atau ubat-ubat yang boleh disalahgunakan dengan senang oleh orang ramai terlalu banyak dibekalkan di pasar-pasar dan di kedai-kedai di Malaysia dan disimpan dan dijual dengan senang tanpa prescription daripada doktor-doktor atau pharmacists yang terlatih dalam perkara ini. Kebanyakan iklan-iklan dibuat mengenai ubat-ubat membawa kita kepada satu keadaan di mana self-medication, self-cure terlalu banyak di rumah-rumah, khasnya di antara kaum-kaum keluarga yang berpendapatan rendah atau tidak tahu berkenaan dengan akibat-akibat atau merbahayanya menggunakan ubat-ubat ini, khas akibat-akibat yang mendatangkan satu keadaan yang buruk dalam jangka masa yang panjang (long-term effect). Saya fikir Undang-undang yang kita ada sekarang ini dan juga Rang Undang-undang dibentangkan pada petang ini ada dua omissions (dua kelemahan) yang besar dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil berat mengenai ini dan mencadangkan jalan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini:

- (i) exemption dalam Undang-undang yang asal itu kepada foods and baby foods (makanan bayi).
- (ii) exemption kepada iklan-iklan mengenai native medicines.

Kedua-dua ini saya fikir adalah satu kelemahan yang besar. Berkenaan dengan foods and baby foods, apa yang didakwa (claimed) atau diiklankan adalah terlampau menarik. Jika perkara ini diselidiki saya fikir dakwaan itu tidak ada apa jua asas dan ini membawa ibu-bapa kita kepada satu keadaan di mana anak-anak kecil itu tidak dapat makanan yang baik atau jagaan yang baik.

Baharu-baharu ini juga kita dengar pihak Universiti atau lain telah mengadakan satu seminar mengenai breast feeding. Dalam seminar itu telah dikatakan bahawa iklan-iklan mengenai susu yang dijual dalam tin adalah influence yang buruk yang mengelakkan ibu-ibu daripada memberi susunya sendiri kepada anaknya. Perbuatan seperti ini adalah disebabkan oleh iklan-iklan yang terlampau banyak atau besar mengenai makanan baby foods ini. Dan juga berkenaan dengan makanan yang lain, claim yang dibuat mengenai akibat yang baik, atau

kuat dan tidak kuatnya ubat-ubat itu adalah sangat banyak dan undang-undang ini tidak dapat mengawal iklan-iklan ini oleh sebab barang-barang makanan seperti baby food telah diletakkan di luar kuasa undang-undang yang asal.

Lagi satu berkenaan dengan native medicine. Di samping bahasa Malaysia saya minta izin untuk menggunakan bahasa Inggeris di dalam ucapan saya.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in regard to native medicines, I think we should admit that there are a number of medicines, herbal and others, which originated in the East—in countries like India, China, and in the South East Asian region—and which have been shown to be, especially in recent times, fairly effective in the treatment of a number of ailments, but I think, as the situation now stands, the potency, the cure that such medicines can provide is being misused by a wide number of quack native medicine doctors—if I may use that term—who claim all sorts of powers, effects, and curative abilities on behalf of various concoctions which often turn out to be nothing more than coloured water. What is more dangerous is that some of these things that are sold or passed off as native medicines often contain toxic elements which can even be fatal if used to any great extent. I hope that we can consider a certain regulation of it, so that native medicines develop into a healthy medicinal practice in this country rather than get abused by all sorts of people who want to make a fast buck.

Perkara yang lagi satu mengenai Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan apa yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri apabila beliau membawa Rang Undang-undang ini.

Rang Undang-undang ini hanya membolehkan beliau melantikkan satu Medicine Advertisements Board. Tetapi Rang Undang-undang ini tidak pula menyebutkan cara mana atau kuasa macam mana Board ini akan melaksanakan apabila Board ini dilantik kelak. Saya harap Menteri dalam jawapannya akan dapat memberikan serba sedikit penerangan mengenai apa jenis iklan-iklan akan dihadkan—which type of advertisements will be prevented? Is there going to be a testing process for medicines which are being advertised freely on the market and in

the newspapers? What sort of testing are we going to use? What sort of certification are we going to require from distributors of medicines, drugs and so on? For it is very obvious, Mr Speaker, Sir, that we do lack any proper facility for wide-scale testing of drugs. This testing requires a fairly long period of time and in a wide variety of situations, to gauge their therapeutic effect and so on, and it is very difficult for a country like ours to develop a full range of these testing facilities.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Panjangkah lagi?

Tuan K. Pathmanaban: Dua minit. Sir, we do not use these facilities very much now. When a drug is sold in Malaysia by a foreign company or a foreign manufacturer, I think the least we should require is that that manufacturer or distributor present to this Board, or to the Ministry, a certificate that that drug or medicine has been tested and approved in the country of origin. It is all too common. I think, for drugs which will not have got passed or even sneak-passed the Food and Drugs Administration of the United States or similar bodies or authorities in the United Kingdom and so on, being passed off very easily on the Malaysian, Singapore and other markets. We hear very often of cases, for instance, of pills supposed to remedy diarrhoea and so on, which really can have very serious paralysis and blinding effects and so on. These drugs have been tested elsewhere, but they are still freely available on the Malaysian market. I hope that the Board can provide regulations such as these, so that these are not even advertised thereby spreading the practice of self-medication in Malaysia, particularly among families which cannot afford an expensive prescription from a registered medical practitioner.

4.25 ptg.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan pada petang ini dan saya juga minta izin untuk memberi sedikit-sebanyak pandangan saya tentang Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seksyen baru iaitu Seksyen 7 yang memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan untuk

menubuh Lembaga Iklan Ubat, di sini saya ingin memberi cadangan iaitu apabila Menteri yang berkenaan melantik anggota-anggota Lembaga ini, saya harap orang-orang yang sekarang ini menjadi Sinseh China hendaklah juga dilantik ke dalam Lembaga ini. Ini adalah kerana kita tahu di negara ini ramai orang keturunan China yang membeli ubat dari kedai-kedai ubat yang dipunyai oleh Sinseh-sinseh China. Kebanyakan ubat-ubat ini selalunya diiklankan di dalam surat-surat khabar China. Saya berpendapat bahawa Sinseh Chinalah yang berkelayakan atas iklan-iklan berkenaan dengan ubat-ubat yang dijual di kedai-kedai ubat Sinseh China ini.

Berkenaan dengan seksyen baru, seksyen 7 (b) ini, saya berharap apabila bayaran-bayaran yang akan dikenakan kelak bagi membolehkan ubat-ubat ini diiklankan, janganlah terlalu mahal kerana jika fees yang akan dikenakan itu terlampau tinggi ini akan menjadikan orang yang menjual ubat ini akan menaikkan harga ubat itu. Dan jika keadaan ini berlaku tentu mendatangkan kesusahan kepada orang-orang miskin kerana merekalah yang membeli ubat-ubat yang diiklankan di dalam surat-surat khabar dan majallah-majallah.

Saya juga berharap di dalam seksyen yang sama apabila sesuatu keputusan yang dibuat oleh Lembaga Iklan Ubat ini tidak diterima oleh pemohon-pemohon, mereka dapat appeal kepada Medical Association kerana Medical Association adalah tempat yang layak untuk memberi keputusan yang lebih baik dan sesuai.

4.30 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk! Oleh sebab ramai Ahli-ahli Yang Berhormat meminta kebenaran bercakap dalam bahasa Inggeris, saya ingin mengambil peluang ini menjelaskan kepada Ahli-ahli Berhormat sekalian bahawa dalam soal ini Peraturan Mesyuarat telah ditetapkan iaitu bertanggungjawablah kepada kita sekalian supaya patuh kepada Peraturan Mesyuarat itu. Tetapi untuk membereskan dan supaya dapat majlis ini berjalan dengan sempurna ada tempat-tempatnya yang saya menggunakan

kuasa yang diberi kepada saya untuk memberi kebenaran. Jadi, saya harap apabila saya memberi kebenaran bercakap dalam bahasa Inggeris sebagai panduannya, Ahli-ahli Yang Berhormat saya harap akan bercakap dalam Bahasa Malaysia, kecuali ada tempat-tempatnya iaitu ada perkataan-perkataan technical yang payah sedikit hendak disebutkan atau menjadi kesusahan kepada Ahli Yang Berhormat bolehlah bercakap dalam bahasa Inggeris, tetapi jangan kerana lebih sedap bercakap dalam bahasa Inggeris yang bukan bahasa rasmi kita. Jadi dengan panduan itu, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan patuh dan cuba bercakap dalam Bahasa Malaysia, bila terdapat kesusahan, bercakaplah dalam bahasa Inggeris, jangan terus bercakap dalam bahasa Inggeris sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, sebab dalam Rang Undang-undang ini naskhah sahinya ialah bahasa Inggeris.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Itu tidak ada kena-mengena dengan Peraturan Mesyuarat ini. Saya menggunakan kuasa saya bahawa perjalanan dalam Majlis kita ini adalah mengikut peraturan-peraturan yang kita semua telah tetapkan. Jadi, saya harap sekarang Ahli Yang Berhormat cuba bercakap dalam Bahasa Malaysia, kalau susah benar, bercakaplah dalam bahasa Inggeris. Bukannya saya menyusahkan Ahli Yang Berhormat, kerana tujuan kita yang sebenarnya ialah urusan Majlis ini berjalan dengan sempurna, dan kita terpaksa patuh kepada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Oh Keng Seng: Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Terus dalam bahasa Inggeris sahaja, tak ada campur-campur dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, yang akhir, saya akan bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila cuba.

Tuan Oh Keng Seng: Terima kasih.

(Dengan izin) Sir, this Bill seeks to amend the Medicines (Advertisement and Sale) Ordinance, 1956 to require that all

advertisements in relation to the sales of medicines are to be submitted to the Medicine Advertisements Board for approval prior to their publication and also to provide for the set-up of such Board for the purpose of censoring and determining. . . .

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya harap dalam masa bercakap sekali-kali pandang kepada saya.

Tuan Oh Keng Seng: on the suitability for publication of such advertisements to the public.

Sir, with the passing of this new amendment, all advertisers will be required to get the approval from the Board for the publication of any advertisement referring to any article of medicine which will lead to the use of that article as a medicine for the purpose of treatment or prevention of diseases or conditions of human beings other than the diseases and conditions specified in Section 3 (1).

Sir, we all agree that it is necessary and is in fact of vital importance that advertisements in all forms especially advertisements on medicines whether in relation to its use, treatment or otherwise, should be strictly controlled and supervised by the authority concerned in order to protect the interest and health of the public and consumers. In the past and even now we have heard of numerous reports and complaints of bogus advertisements on medicines which appear in a publication or in the form of light and sound by some unscrupulous and irresponsible advertisers, both foreign and local, claiming that their products or medicines could treat or even prevent certain diseases or sicknesses and many members of the public have been tempted and deceived into believing such advertisements which have turned out to be false. There are also certain quack doctors or physicians capitalising in advertisements and boasting of their skills and services regarding treatment of certain ailments or injuries or abortion and even some claim to be experts on women's problems. These con-men are out for money and many patients have become victims. Money and lives are lost as a result.

Sir, not all ordinary members of the public or men in the street have adequate knowledge of medicine or are in a position

to choose the best suitable one among the different types of medicines for that particular ailment. Because of this lack of knowledge and ignorance, they are often exploited, deceived and led into believing the advertisement which promise to cure their suffering and ailment. Therefore, it is the duty of the authority concerned to see to it that these malpractices and abuses are not only prevented from happening but also to advise the members of the public and the consumers of such medicines about the dangers or side effects of certain medicines or products which are currently on sale in the market.

Sir, although this new amendment to the Act is necessary, looking at the Act as a whole, I am doubtful whether this new amendment can be effectively enforced for the simple reason that the provision as to the offences by any person who contravenes this new Section 4B is grossly inadequate and lenient. Let us look at Section 5 (1) of the principal Ordinance, 1956 which reads as follows:

"If any person contravenes any of the provisions of Sections 3, 4, 4A (and the new Section 4B) he shall, subject to the provisions of this Ordinance, be liable on summary conviction:

- (a) in the case of a first conviction, to a fine not exceeding \$1,000 or to imprisonment for any term not exceeding one year or to both such fine and imprisonment; and
- (b) in the case of a subsequent conviction, to a fine not exceeding \$2,000 or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both such fine and imprisonment."

Sir, the Medicines (Advertisement and Sale) Ordinance, 1956 was enacted in March, 1956 and the provision of penalty for offences was meant at that time in respect of serious offences. Now, at the present time, the value of the money has changed, and therefore the penalty provided in Section 5 (1) appears to be negligible in this modern world of medicine. A fine of \$1,000 for the first offence or \$2,000 for a subsequent offence means nothing to the medicine manufacturers, wholesalers or established retailers if they choose to bypass the Board and go into advertising their own

products without the Board's approval and pay the fine in order to reap the anticipated profits and benefits desired from such advertisements. In view of this and in order to have a more effective legislation, I therefore propose to the Mover, the Honourable Minister of Health to amend Section 5(1) to provide. . . .

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat langsung tidak bercakap dalam Bahasa Malaysia, terus bahasa Inggeris sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Speaker, sebab pindaan Section 4B ialah ada berkaitan dengan Section 5 (1). Therefore, I would like to propose to the Minister concerned to amend Section 5 (1) during this sitting to provide for more preventive measures and stricter penalty for offences committed under Sections 3, 4, 4A and the new Section 4B.

Tuan Yang di-Pertua, as regards the proposed set-up of the Medicine Advertisements Board, saya suka mencadangkan di sini bahawa Ahli-ahli yang akan dipilih untuk menganggotai Lembaga ini patutlah termasuk wakil daripada Consumers Association supaya faedah rakyat dan pengguna akan dapat dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya suka memberitahu kepada si pencadang, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, bahawa dalam muka 2 Rang Undang-undang ini Section 3 (b) barangkali rasa saya ada sedikit kesilapan di sini. Saya mengikut Ordinan, 1956—buku ini dipinjam dari Perpustakaan Parlimen, barangkali saya salah, tetapi saya berharap si pencadang boleh menerangkan Section 3 (b) dalam muka 2:

“(b) substituting for the words “and 4” appearing in subsection (2) the words, “4 and 4B”; deleting the word “or” appearing at the end of paragraph (a) (i) thereof; substituting for the word “and” appearing at the end of paragraph (a)

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Yang Berhormat, soal yang semacam itu boleh dikemukakan semasa kita bersidang dalam Jawatankuasa kelak, dan tidak payah disebut sekarang ini.

Dr Chen Man Hin: (*Bangun*).

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Oleh sebab kita sudah mengambil masa yang panjang berkenaan dengan perkara ini, saya harap Ahli Yang Berhormat tolong pendekkan sedikit ucapan.

4.42 ptg.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya tidak hendak bercakap dengan panjang, tetapi hendak memberi sedikit pandangan sepatah dua, dan di sini di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Boleh.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Undang-undang ini ialah untuk menyekat iklan yang ada sekarang di dalam surat-suratkhabar dan di dalam talivisyen dan di mana-mana jua daripada advertisers yang ada mengatakan bahawa ubatnya itu boleh memberi treatment yang baik dan boleh memberi treatment yang sebenar. Undang-undang yang ada dahulu mengikut Section 3 pun ada satu perenggan (paragraph) yang mengatakan kalau ada advertisement referring to any article or articles of any description for the treatment of human beings for any of the following diseases and conditions—kidney diseases, diabetes, tuberculosis, leprosy dan lain-lain adalah salah. Dalam undang-undang yang dahulu dan yang ada sekarang inipun menetapkan adalah menjadi kesalahan dalam undang-undang ini kalau ada advertisers seperti itu. Tetapi pada masa sekarang saya tidak faham apakah sebabnya hendak membuat lagi pindaan kalau sudah ada undang-undang yang sekarang. Saya ingat masaalahnya bukanlah hendak meminda lagi, tetapi hendak dikuatkuasakan undang-undang yang ada pada masa dahulu.

(*Dengan izin*) Actually I do not understand because there are already provisions in the Medicines (Advertisement and Sale) Ordinance to prosecute any person who claims that he has got drugs that can cure all sorts of diseases. So the problem is now the question of administration and also implementation. Even the proposal to set up a Board to implement will not solve the problem because although the Board may

give permission, who is there to see that the same regulations are not again transgressed, not again broken, not again contravened? Again, there is the problem that although the Government claims that it wants to prevent diseases, but the Government itself is guilty of allowing advertisers to advertise for example, on the virtues of this brand of cigarettes or that brand of cigarettes, when they know very well that smoking itself is also one of the main causes of cancer. So therefore, the Government itself should not only look at other people but also look into itself and try and improve its own house first before prosecuting other people.

Kalau Board itu sudah didirikan, masa ada juga, sebab di dalam negara kita ada beberapa macam perubatan yang terdapat. Berkenaan dengan perubatan secara western atau scientific, saya ingat masaalah itu tidak ada berapa banyak masaalah sebab drugs itu mesti mengikut undang-undang dan doktor-doktor mestilah mengikut ethic dan lain-lain.

Berkenaan dengan masaalah bomoh-bomoh dan lain-lain di sini saya ingin berkata bahawa ada banyak bomoh yang *bona fide* yang dapat training di tempat-tempat di negeri kita khasnya di Kuala Lumpur ini. Kalau pindaan undang-undang ini dikuatkuasakan, saya minta Menteri Kesihatan Ahli-ahli Lembaga Iklan ini adakah termasuk Ahli-ahli daripada peserta-peserta perubatan bomoh atau native medicine atau sinseh. Kalau tidak bagaimana mereka tahu drugs atau ubat-ubat sinseh atau China atau Jepun atau India boleh atau tidak boleh memberi baik kepada penyakit-penyakit. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan kalau Ahli Lembaga Iklan ini tidak ada apa-apa rules atau guidelines bagaimana mereka tahu dan boleh mengatakan kalau ada diiklankan di dalam suratkhbar mengatakan ubat ginseng ini khasiatnya baik untuk nervous disease atau impotency. Ini saya ingat susah. Masaalahnya ialah Kerajaan hendaklah membuat siasatan physicians daripada natives India sinseh atau di lain-lain tempat. Adakah Kerajaan akan mengiktiraf mereka. Kalau Kerajaan ada sikap yang tertentu barangkali boleh mengatakan advertisements yang seperti ini adalah menjadi kesalahan mengikut undang-undang ini tetapi Kerajaan tidak ada membuat satu guidelines. Saya ingat sangat susah hendak menjalankan pindaan ini.

4.50 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyuarakan sokongan pada cadangan atau pindaan yang telah dibuat. Saya sendiri sebagai pengerusi satu badan yang telah dibentuk dalam negeri ini di dalam tempoh dua tahun yang lepas yang dinamakan Advertising Standard Authority Malaysia (Badan Penguasa Mengawal Mutu Pengiklan) yang dibentuk oleh badan-badan yang berkaitan dengan berbagai kepentingan khasnya daripada Persatuan-persatuan Pengguna (Consumers Movement) daripada Advertisers Association iaitu persatuan-persatuan yang terdiri daripada mereka yang menggunakan iklan Association of Accredited Advertising Agencies ataupun persatuan-persatuan dari Badan-badan Ajensi Iklan yang disahkan daripada Publishers Association (Badan-badan Penerbit) iaitu semua suratkhbar, majallah-majallah di negeri ini dan juga termasuk Kementerian Penerangan, Radio, TV Malaysia, Kementerian Kesihatan, Persatuan Pharmaceutical dan lain-lain. Ini satu badan yang telah mengambil berat dan telah cuba menggubalkan satu code of ethics ataupun tatacara, susila yang boleh menjadi panduan untuk mengiklankan (advertisements) di semua lapangan samada dalam suratkhbar, majallah yang tercetak, tertulis ataupun yang tersiar menerusi radio, TV dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya rasa untuk diri saya sendiri dan juga untuk Advertising Standard Authority Malaysia memberi sokongan kepada langkah yang telah dikemukakan untuk mendatangkan pindaan dan saya harap dalam perlaksanaan dan menjalankan kuasa peraturan baru ini Medical Advertising Board (Lembaga Mengawal Pengiklanan) berkenaan dengan ubat-ubat ini akan juga menggunakan, memandu dan barangkali menggunakan sebagai latarbelakang atau panduan code of ethics yang telah digubal bersama-sama oleh semua pihak yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan perkara ini sebagai mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang baru bercakap tadi, saya suka juga menyuarakan suatu harapan iaitu kerja yang dijalankan ini susah. Sebab itu kita mestilah berjaga-jaga supaya tidak mendatangkan gangguan kepada pihak-pihak yang berkenaan samada dari segi masa,

tempoh ataupun cara mendapatkan kebenaran janganlah terpaksa ditunggu berminggu-minggu, berbulan-bulan sebelum satu-satu iklan itu disahkan untuk dipakai ataupun disiarkan.

Kedua, saya harap kita patut mengambil perhatian supaya kedudukan cara ubat timur samada cara bomoh sebagaimana saya katakan tadi, dengan pakar dan juga secara kampung, samada China, Melayu, India dan sebagainya samada ayurvedic, homoeopathic, samada secara sinseh dan sebagainya itu diberi penghormatan dan diberi layanan yang saksama. Sungguhpun saya di sini merasa pada masa-masa yang lepas waktu doktor-doktor ataupun tabib-tabib yang berkelulusan Barat yang berpandu pada code dan susila yang tertentu tidak melakukan perbuatan yang tidak diinginkan, setengah-setengah daripada orang yang mengamal perubatan cara Timur pernah juga mengiklankan, membuat itu dan ini yang tidak diinginkan. Saya harap ini dapat ditahan tetapi sambil ditahan perbuatan yang tidak diinginkan ini supaya cara perubatan Timur ini diberi penilaian yang wajar, yang saksama dan tidak menerima sebarang tindasan, sekatan ataupun rintangan. Sebaliknya patut diberi pertolongan untuk dimajukan dengan cara latihan dan pelajaran yang sedang dilakukan di beberapa buah negeri di Benua Asia ini.

Lagi satu perkara yang saya suka bangkitkan iaitu berkenaan dengan takrif iklan. Saya fikir tidak boleh kita hadkan takrif iklan ini pada siaran dalam suratkhobar, majallah ataupun menerusi radio dan TV akan tetapi seterusnya kita mesti kawalkan juga sebarang risalah, sebarang surat yang disediakan terus sehinggakan kotaknya, sehinggakan botolnya, description (keterangan) ataupun percubaan untuk melakukan ataupun melariskan jualan ubat itu yang dipakai at point of sale samada sebagai card ataupun risalah yang dimasukkan bersama-sama ubat itu ataupun diikat di kotak di mana diisi botol atau ubat itu. Itu pun penting dikawal. Saya berikan satu contoh iaitu ada satu jenis ubat oleh kerana iklannya sudah begitu lama, telah menjadi masyhur. Saya tidak mahu sebut nama ubat itu sebab ini akan menggalakannya pula. Tetapi orang yang biasa dan kita mesti tahu kalau saya sebutkan ubat ini kononnya namanya berkait dengan kidney (buah pinggang). Sekian-sekian kidney pill dan ubat ini apabila kita makan bila buang

air, air kita itu keluar berwarna biru. Tetapi pada orang biasa, orang yang tidak tahu berkenaan ubat ataupun tidak fikir betul-betul, fikiran ubat ini adalah satu ubat yang berkaitan dengan penyakit buah pinggang ataupun sebarang penyakit yang berkaitan dengan kidney tetapi ini semata-mata untuk menyengankan ataupun menggalakkan kita buang air, untuk menyucikan barangkali tempat buang air itu, tetapi tidak berkait sama sekali dengan kidney. Tetapi sudah berpuluh tahun diiklan dan telah dijual, sudah diberi nama dan sudah dipamir dan sudah biasa kepada orang, namanya sekian-sekian kidney pill. Itu sahaja. Itu satu keterangan, kalau kita hadkan setakat iklan dalam suratkhobar dan dalam siaran tetapi tidak pergi terus kepada botol ataupun kepada risalah keterangan iaitu terus tidak dapat kita melaksanakan apa yang dimaksudkan di sini.

Ketiga terus pula kepada orang menjual ubat.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Panjang lakikah Ahli Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Sovie bin Sheikh Ibrahim: Tidak. Pendek sahaja. Orang yang menjual ubat pula saya fikir undang-undang ini bila Menteri membuat regulationnya barangkali juga susah saya hendak bertanya bagaimana Menteri dan penasihatnya akan mengubahkan regulationnya nanti yang akan juga dapat mengawalkan penjual-penjual ubat yang nyata pergi sekarang bukan seorang malah dengan van, dengan muzik dan dengan macam-macam pertunjukkan dan di sana dihebahkan, "ubat kuat", katanya. Kalau dimakan jadi kuat. Terus kepada ubat macam-macam penyakit. Ini dengan mulut iaitu iklan secara mulut (direct), dan sungguh berkesan cara itu. Tempat itu dikerumuni orang ramai. Murah pula harganya—\$1.50. Sakit ini juga penting, khasnya orang kampung. Kalau di bandar-bandar, kita yang berpelajaran sedikit-sebanyak tahu juga menolak propaganda dan

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ubat apa Ahli Yang Berhormat. Ubat kuat?

Tuan Mohamed Sovie bin Sheikh Ibrahim: Ya, macam-macam ubat. Jadi, orang-orang kampung ini barangkali perlu dilindungi juga supaya menjadi kesalahkan kepada sesiapa menggunakan microphone ataupun dengan

suaranya sendiri pergi mempengaruhi orang dengan cara-cara yang kita hendak tayangkan ini. Itu saya ingat barangkali patut diambil perhatian juga.

Jadi, sambil menyokong Rang Undang-undang ini, saya rasa sungguh pun barangkali tidak terus menerus berkaitan dengan undang-undang ini perlu Kementerian Kesihatan mengadakan kemudahan dan menentukan supaya setiap jenis ubat sebelum diberi kebenaran dijual dalam negeri ini samada ayurvedic, homoeopathy atau ubat-ubat barat mesti diserahkan kepada Kementerian Kesihatan dengan segala kandungan ubat-ubat itu disahkan bahawa ianya memang betul boleh dipakai, yang mana tidak ada prescriptionnya atau kandungannya itu mesti diserahkan supaya dikaji (analyse) dan ditentukan bahawa tidak mengandungi sebarang bahan yang merosakkan yang tidak sesuai dimakan. Tentu tak dapat dibuat di bawah Undang-undang ini akan tetapi kalau kita hendak menguatkuasakan undang-undang itu patut dibawa peraturan lain, undang-undang lain mesti juga mengadakan, saya fikir peraturan semacam ini yang akan melindungi rakyat kita semua.

5.02 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Akta yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi saya suka membawa pandangan Kementerian yang berkenaan supaya undang-undang yang dikemukakan ini walaupun diluluskan kelak boleh mengawal serba-serbi dengan lebih ketat. Saya bawa beberapa contoh, misalnya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Iklan itu bukanlah hanya daripada iklan surat khabar dan sebagainya, tetapi hendaklah juga termasuk risalah-risalah, surat-surat dan sebagainya. Saya suka menambah lagi iklan itu dimaknakan juga papan-papan tanda dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini beberapa orang kaum wanita telah dipengaruhi oleh iklan menerusi papan tanda, kerana papan tanda itu mengatakan bahawa wanita-wanita kalau hendak menegangkan kulitnya boleh pergi dirawat, tetapi bila dirawat di kedai tersebut bukan tegang, sebaliknya lagi kendur dan sehingga ter-

paksa terus dimasukkan ke hospital kerana kulit mukanya menjadi lebam. Iklan-iklan di papan tanda itu juga menjadikan mangsa kepada wanita-wanita, kalau siapa hendak menegangkan buah dada juga boleh pergi ke tempat-tempat tertentu sehingga akibatnya kena barah dada dan sebagainya. Ini juga hendaklah diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Baru-baru ini pula ada iklan untuk kaum lelaki yang disiarkan dalam surat khabar, sampai sekarang memang ada iklan itu, siapa yang hendak menguatkan tenaganya, boleh pergi ke satu bilik, boleh diurut dan sebagainya. Bukanlah pula saya yang pergi, tetapi ada beberapa orang yang pergi, hasilnya bukan menguatkan tenaga tetapi

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan itu adakah kaitannya dengan Undang-undang ini yang dihadapan kita sekarang?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Ada, Tuan Yang di-Pertua. Kerana hal ini juga macam cara ubat, dia mengatakan boleh berubat. Jadi orang itu pergi hendak menguatkan tenaga, diberi minyak dan sebagainya, diurut, tetapi akibatnya semakin mengurangkan tenaga. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan perkara ini dapat diambil perhatian supaya jangan mengelirukan orang ramai. Patut dimasukkan juga istilah iklan mengenai papan-papan tanda dan sebagainya dan dimasukkan juga ubat itu—bukan istilahnya—hanya ubat yang dimakan, diminum, hendaklah termasuk juga ubat yang diapplay secara physical, secara urut dan sebagainya.

5.05 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Saya dapati amatlah perlu sebagaimana pendapat Ahli-ahli yang lain kerana berbagai iklan telah diiklankan untuk melariskan ubat.

Saya ucapkan terima kasih juga kerana di sini tidak diharamkan langsung atas penjualan ubat-ubat yang dibuat oleh orang-orang yang bukan pakar ataupun doktor. Sebab saya kata begitu, saya sebenarnya tidak terfikir untuk bercakap tentang iklan

ubat ini, tetapi selepas saya kaji di atas apa yang berlaku kepada diri saya sendiri dan saya dengar banyak rungutan daripada umum tentang masalah ubat ini, mengharamkan iklan melainkan selepas daripada satu jumaah yang ditubuhkan oleh Menteri, ini amatlah baik, tetapi saya suka mengulangkan sekali lagi, kalaulah diharamkan terus daripada menggunakan ubat-ubat yang bukan daripada doktor perubatan, pada pendapat saya tidaklah begitu wajar dan tidak begitu baik. Sebab saya kata begitu, maafkan saya kalau apa yang saya katakan ini menyinggung setengah pihak doktor, saya dapat tahu daripada setengah pembeli ubat yang bukan daripada doktor privet kadang-kadang ubatnya sama baik. Seorang mengatakan kepada saya iaitu dia beli di kedai ubat ataupun ubat yang dijual di tepi jalan, harganya \$1 dan jenis ubatnya lebih kurang sama dan kesannya juga sama. Tetapi malangnya bila dia beli di tempat doktor yang berdaftar yang ada iklan khas, doktor privet, harganya sampai \$6 pada hal ubatnya adalah sama. Jadi saya berpendapat, kalaulah kita tidak mengharamkan terus seperti Rang Undang-undang ini amatlah baik. Dengan sebab itu saya menyokong Rang Undang-undang ini 100% dan saya takut kalaulah diharamkan terus ubat-ubat yang dijual di tepi jalan, melainkan benda-benda yang disahkan itu tidak baik, patutlah kita kaji.

Kelmarin ada seorang jual ubat mengatakan ubatnya itu kalau dimakan banyak sangat akan menjadikan penyakit, dalam ugama pun kita tahu kalau kita makan berlebihan dari hadnya, membazir, itupun haram terus, tetapi kalau kadar yang patut mengikut sukatan itu amatlah perlu dan ubat itu juga sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya tadi, saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya bercakap terus terang bahawa ubat ini kadang-kadang yang dibuat oleh dukun kampung, saya tidaklah mengatakan semua ubat dukun kampung itu bagus, tetapi setengah ramuannya daripada akar-akar kayu itu adalah baik. Saya sendiri bukanlah doktor, tetapi saya sendiri biasa membuat ramuan daripada akar-akar kayu semasa saya sendiri memugar dahulu dengan beberapa jenis akar. Izinkan saya sebutkan di sini, tetapi janganlah pula ada orang mengatakan saya sebagai dukun kampung, tetapi untuk kita menguatkan tenaga memang saya percaya, setengah

daripada akar kayu yang baik seperti tembesu, tampang, temuk dan sebagainya kalau kita ambil akar-akar ataupun terus kayu yang berkenaan alang-alang kita makan setengah-setengah ubat, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bekerja daripada pukul 7.00 pagi sampai pukul 1.00 tengahari.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat ada cuba sendiri?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, saya cuba sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Jadi maffhumnya banyak daripada ramuan yang dibuat oleh setengah dukun yang bukan ada kelulusan perubatan atau doktor, baik secara dijual di tepi jalan dan sebagainya, kadang-kadang mendatangkan menafaat juga. Jadi, saya bersetuju sangat supaya kita tak haramkan terus, melainkan selepas mendapat kelulusan jemaah doktor. Apa yang merbahaya kita haramkan, apa yang mendatangkan faedah itu kita terima juga, walaupun ubat itu bukan ubat buatan pakar perubatan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jika tak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya.

5.10 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk perbahasan suatu Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh saya di Dewan yang mulia ini dan semua pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan barangkali tidak berupa faham akan tujuan Undang-undang ini yang dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam mencadangkan supaya mengadakan satu stablise of drugs to use dan sebagainya. Ini barangkali masanya belum tiba oleh kerana negara kita ialah sebuah negara yang bebas dan juga doktor-doktor yang berpengalaman adalah menggunakan berbagai-bagai jenis ubat yang mereka itu dibenarkan pada masa-masa yang sudah atau pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, strict control atas semua ubat-ubat ini belum ada undang-undang lagi oleh kerana kita mengadakan

satu Rang Undang-undang seperti yang dijalankan pada hari ini untuk mengawalkan advertisement yang telah berlaku di negara kita pada masa yang sudah dan advertisement ini pada hari ini boleh dibaca bukan sahaja dalam akhbar-akhbar China, *The New Straits Times* dan juga termasuklah akhbar-akhbar Bahasa Kebangsaan seperti Utusan Melayu dan sebagainya ini boleh menimbulkan satu soalan yang besar oleh kerana advertisement itu cuma menarik hati daripada pembeli-pembeli sahaja akan tetapi merusakkan tubuh badan kepada pesakit-pesakit atau orang-orang yang menggunakan ubat yang advertised di dalam akhbar-akhbar dan sebagainya. Dan juga Ahli Yang Berhormat itu sebagai doktor perubatan faham akan sebab-sebabnya Kerajaan hendak mengambil tindakan seperti satu Undang-undang yang dibentangkan pada petang ini. Saya ucapkan terima kasih kepada beliau yang menyokong penuh kepada Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang telah menyebutkan berbagai-bagai soalan berkaitan dengan food and native medicines dan sebagainya. Yang sebenarnya bahan makanan (food) ini telah ada dikawal dengan Food and Drugs Ordinance yang lain yang telah dikawal oleh Kementerian dan native medicines ini ialah satu Act telah dipinda atau direpealed di dalam tahun 1971, jadi sekarang semua ubat-ubat seperti ubat native dan sebagainya jikalau hendak mengadakan satu advertisement inipun terpaksa minta kebenaran daripada Lembaga yang dicadangkan dalam Bill ini.

Berkaitan dengan native medicines ini memang negeri-negeri jiran kita, bukan di Asia sahaja termasuk Eropah juga adalah ubat-ubat native yang sedang digunakan oleh orang ramai hingga sekarang. Di dalam negara Malaysia kita ini sampai ke negeri Jepun dan juga di negeri China, India, Burma, Indonesia dan negara kita juga mengadakan berbagai-bagai jenis ubat native yang sedang digunakan dan kita tidak boleh menafikan ubat jenis native ini adalah yang effective, akan tetapi Kerajaan kita suka menggalakkan rakyat jelata kita menggunakan ubat-ubat yang moden, ubat-ubat yang scientific. Dengan tujuan ini kita harap semua orang-orang kita akan boleh menggunakan ubat-ubat yang moden daripada prescribed by trained doctors yang ada sekarang atau pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Rengam mencadangkan supaya anggota-anggota yang dilantik pada masa yang akan datang di Medicine Advertisements Board ini terdiri dari sinseh-sinseh China. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini kita bukan hendak melantik seorang yang tidak ada scientific knowledge atau seorang yang tidak ada latihan dengan pengetahuan perubatan yang penuh. Jikalau kita boleh melantik seorang sinseh mewakili Board itu, maka ada orang lain juga, iaitu bomoh-bomoh India, bomoh-bomoh Melayu dan sebagainya akan meminta juga dilantik sebagai ahli di dalam Lembaga ini, jadi pada pandangan Kerajaan cadangan ini tidak sesuai. Kita mestilah menggalakkan orang-orang yang ada pengetahuan perubatan yang moden dan sebagainya dilantik menjadi sebagai ahli anggota Medicine Advertisements Board ini. Mereka itu boleh memberikan sumbangan-sumbangan atau pandangan-pandangan yang sesuai dan yang baik untuk mengawalkan ubat-ubatnya yang telah dijual pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling mencadangkan pindaan Rang Undang-undang ini tidak berapa sesuai dan juga oleh kerana Seksyen 4B inadequate dan sebagainya dan juga denda (fine) \$1,000 hingga \$2,000 itu adalah sangat rendah. Kerajaan akan mengkaji jikalau Rang Undang-undang ini tidak dipandang berat daripada orang-orang yang menjual ubat atau penjual ubat yang palsu, maka Kementerian ini boleh menjalankan satu pindaan baru dan akan dibawa ke Dewan ini untuk mengadakan undang-undang yang keras pada masa yang akan datang. Kita harap dengan pindaan ini semua orang-orang yang ingin mencari wang ringgit tidak menggunakan cara-cara seperti undang-undang ini, terpaksa mereka itu mengikut peraturan-peraturan yang baru dan kalau tidak mereka itu bolehlah dibawa ke mahkamah dan sebagainya. Saya harap Undang-undang ini sungguhpun tidak berat akan tetapi kita harap melalui pelajaran dan nasihat-nasihat kita undang-undang ini boleh dihormati oleh rakyat kita serta juga kepada pembeli-pembeli. Pembeli-pembeli sekarang ini kebanyakannya ialah wanita-wanita yang tidak mendapat pelajaran yang baik. Mereka itu cuma mendengar atau percaya kepada percakapan-percakapan daripada orang-orang yang hendak mencari wang ringgit dan sebagainya. Dan ini adalah satu soalan yang

timbul pada hari ini seperti pengalaman yang kita dapati di bawah Kementerian Kesihatan pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban, beliau mengatakan undang-undang mengawal sudah ada jadi apa sebabnya hendak dipinda undang-undang yang baru ini. Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang lama itu cuma boleh mengawal seperti penjualan ubat T.B. atau ubat batok kering sahaja tidak termasuk apa yang disebutkan oleh saya sebentar tadi di Dewan ini. Jadi Ahli Yang Berhormat dari Seremban, beliau sebagai seorang doktor perubatan mestilah memastikan atau fahamkan apakah Ordinan-ordinan yang lama. Akan tetapi malangnya beliau tiada di sini yang tiada boleh mendengar apakah jawapan saya. Dengan ini baru dapat kita kawal berbagai ubat pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas pendapat Yang Berhormat dan beliau mencadangkan Consumers Association dan sebagainya akan memasuki sebagai ahli dalam Lembaga itu. Cadangan ini akan dikaji dengan telitinya apakah sumbangan-sumbangan yang boleh diberi kepada Lembaga ini dan juga bila undang-undang ini dipinda Kementerian saya boleh menguatkan berbagai-bagai Ordinan untuk mengawal keluaran ubat seperti label dan sebagainya yang pada masa sekarang kita tidak ada undang-undang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap semua advertisement association itu boleh bekerjasama dengan voluntarily control themselves, janganlah mencari wang ringgit sahaja akan tetapi kita mesti menjaga keselamatan khususnya advertisement berkaitan dengan perubatan. Harap persatuan itu akan bekerjasama dengan rapatnya kepada Lembaga yang dicadangkan pada masa yang akan datang, akan tetapi kita mesti ada legal basis untuk mengawal advertisement pada masa yang akan datang. Dengan warrantee basis sahaja barangkali tidak berapa sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan penjual-penjual ubat di tepi-tepi jalan dengan menggunakan van yang besar dan loudspeaker yang dipakainya, ini akan dikawal juga pada masa yang akan datang dengan berkuat-

kuasa undang-undang ini. Kita faham dan saya sendiri faham apakah jenis ubat yang dijual di tepi-tepi jalan pada hari ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Yang Berhormat Menteri pun tahu juga.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri mesti tahu, saya sudah tahu dan saya telah melihat apakah jenis ubat yang dijual di tepi-tepi jalan. Inilah satu cadangan yang sebenarnya daripada Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mencadangkan iklan-iklan di papan tanda dan sebagainya bolehkah dikawal atau tidak. Beliau menyebutkan kedai-kedai atau pertubuhan-pertubuhan yang disebutkan di dalam papan tanda itu yang boleh menambahkan tenaga baru dan sebagainya. Barangkali beliau tahu dimanakah tempat itu. Saya harap tenaga tambahan ini bukan melalui dengan apa-apa iklan sahaja. Ini terpaksa seseorang itu fahamkan atas jenis makanan dan tenaga-tenaga mereka. Jangan menggunakan tenaga berlebihan dan juga jangan membuang tenaga yang sebenarnya itu. Ini satu pelajaran kesihatan dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dapatlah tubuh badan yang sesuai dan kuat dan jangan percaya apakah jenis ubat yang boleh tambah tenaga yang lebih.

[Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyebutkan, dalam Rang Undang-undang ini tidak ada cadangan untuk mengharamkan perbuatan ubat oleh orang-orang yang tidak cukup pengetahuan dan juga tidak dapat latihan yang baik. Ini tidak ada kaitan dengan Undang-undang ini. Akan tetapi yang sebenarnya ada berkaitan oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan iklan ini adalah palsu. Kita mengamalkan sinseh China atau India, orang Melayu bomoh ada pengalaman yang lebih baik. Mereka itu tidak ada membuat iklan ubat dan sebagainya. Cuma mereka itu mencari wang ringgit sahaja adalah melalui iklan-iklan di surat-khabar dan sebagainya. Jadi perkara ini akan dikawal pada masa akan datang dan saya harap dengan adanya Rang Undang-undang pindaan yang baharu ini, kita boleh mengawal berbagai-bagai iklan-iklan pada masa akan datang. Di samping itu juga

Kementerian sekarang telah mengadakan satu bangunan yang baharu di Petaling Jaya untuk mengawal jenis-jenis ubat yang diimpot dari luar negeri atau ubat buatan tempatan. Pada masa akan datang satu National Laboratory Controlling Centre akan disiapkan pada pertengahan tahun 1977. Dengan satu pertubuhan ini, kita bukan sahaja boleh mengawal berbagai jenis iklan tetapi juga ubat-ubat yang dimasukkan atau ubat buatan tempatan. Kita harap pada masa itu satu centralisation of drugs dijalankan di negara kita. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan di atas Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidangan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan Rang Undang-undang sepertimana yang telah didedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 2: Gantikan angka “48” yang terdapat dibaris 3 dengan perkataan “4B”.

Clause 2: Substitute for the figures “48” appearing in line 3 thereof the word “4B”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 Sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3—

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan Rang

Undang-undang sepertimana yang telah didedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 3: Masukkan perkataan-perkataan “dengan perkataan “or” selepas sahaja perkataan-perkataan “perenggan” (a) (ii) yang terdapat di baris 6 dalam fasal-kecil (b).

Clause 3: (a) Insert the words “the word” “or” immediately after the word “thereof” appearing in line 5 of sub-clause (b); and (b) substitute for the words ‘ ‘, and 4B” ’ appearing in line 2 of the sub-clause (c) the words ‘ ‘, 4 and 4B” ’.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan pindaan dalam Seksyen 3 muka 2 (b) substituting for the words “and 4” sebagai “and 4A” dan di barisan 2 “4 and 4B” sebagai “4A and 4B”.

Kemudian 3 (c) substituting for the words.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Masa Yang Berhormat membangkitkan perkara ini tadi, saya telah menyatakan iaitu perkara ini boleh dibangkitkan dalam masa kita membincangkan seksyen ini, dan Yang Berhormat membuat pandangan dan apa-apa tindakan yang diambil itu terpujanglah kepada Yang Berhormat Menteri itu, sahaja. Jadi sila beri pandangan perkara ini tindakan yang diambil untuk meminda atau tidak itu terpujang kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya rasa kita boleh berbincang pindaan Rang Undang-undang ini dalam Jawatankuasa.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Oleh kerana saya orang baharu, saya menyatakan tadi, saya harap dapat panduan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh sebab tidak dapat dikemukakan perkara ini, Ahli Yang Berhormat boleh bangkitkan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan apa-apa tindakan diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu terpujang kepadanya. Yang Berhormat membuat motion

Tuan Oh Keng Seng: Bukan motion. Saya berpandu kepada Ordinan yang saya pinjam dari Perpustakaan Parlimen, saya nampak dalam seksyen 3 perkataan "and 4" patutlah ditaruh "and 4A" dan "4, 4B" patut kita pinda "4A dan 4B".

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Pengerusi, kalau hendak buat apa-apa pindaan Ahli Yang Berhormat itu dikehendaki memberi notis, lagi pun mesyuarat ini di dalam Committee. Bukan dengan serta-merta. Saya rasa ada tercatat di dalam Standing Order 57.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya faham berkenaan dengan Standing Order itu. Jadi, apabila perkara ini disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat masa kita membahaskan perkara dasar tadi, mungkin oleh sebab saya baru, saya katakan perkara ini boleh disebutkan masa kita dalam Jawatankuasa. Saya faham mengikut Standing Orders, Ahli Yang Berhormat itu mesti memberi notis tetapi ini saya minta panduan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kalau boleh. Bila membuat ucapan di dalam Jawatankuasa tujuannya disebutkan sahaja iaitu untuk apa-apa tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Pengerusi, panduan berkenaan dengan masalah semacam ini ada tercatat di dalam Standing Order 57 (1) dan (2) yang mana di dalamnya diterangkan dalam bahasa Inggeris:

(2) "At least one day's notice of any proposed amendments shall be given. Any proposed amendments of which notice has not been given shall be handed to the Chairman in writing and shall not be moved unless the Chairman is satisfied that in the circumstances it was not practicable to give such notice".

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya bukan bercadang hendak membuat pindaan substance dalam Rang Undang-undang ini. Bukan substance tetapi saya bercadang . . .

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila tunjukkan Peraturan Mesyuarat yang membolehkan Ahli Yang Berhormat menyatakan perkara ini seperti yang dikehendaki oleh

Ahli Yang Berhormat itu? Sila Ahli Yang Berhormat tunjukkan Peraturan Mesyuarat yang membolehkan Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara ini sekarang.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: On a point of order, Tuan Pengerusi. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak mengemukakan notis maka tidak berhak dia mengemukakan apa-apa pindaan lagi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sekarang ruling saya Ahli Yang Berhormat tidak berhak membangkitkan perkara ini.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Fasal 3 sebagaimana yang dipinda dipe-rintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan dan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHAN-JAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PINDAAN), 1975

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengemukakan suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bagi bacaan kali kedua.

Tujuan Akta ini ialah pertamanya untuk mewajibkan penggunaan Malim (Pilot) di dalam kawasan pemaliman Pulau Pinang bagi kapal-kapal yang beratnya lebih daripada 200 tan. Pindaan yang dikemukakan ini juga bertujuan bagi membolehkan pembayaran elaun oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang kepada pegawai-pegawai yang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pemaliman (Pilotage Committee). Ini ialah selaras dengan atur cara bagi Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Akta pindaan ini juga bertujuan untuk meminda Seksyen 75 dengan menambah Seksyen baru 75A, 75B, 75C dan 75D.

Pada masa sekarang pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak mempunyai undang-undang yang menghadkan tanggunannya di atas kerosakan ataupun kehilangan barang-barang yang dikendalikan oleh pihak pelabuhan. Tujuan pindaan yang dikemukakan ini adalah untuk menghadkan Rang Undang-undang tersebut. Akta pindaan ini juga memerlukan pemilik-pemilik cargo itu menasihatkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang di mana mereka yang membawa masuk cargo yang bernilai tinggi supaya dapat pihak Pelabuhan mengambil langkah yang khas bagi menjaga keselamatan cargo tersebut. Akta pindaan ini juga akan bertujuan melepaskan Suruhanjaya tersebut daripada tanggungjawab di atas kehilangan atau kerosakan barang-barang yang disebabkan oleh punca-punca yang di luar daripada kawalannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memajukan.

Tuan Paul Leong Khee Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAKHLUK PEROSAK PERTANIAN DAN TUMBUH-TUMBUHAN BERBAHAYA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua,

saya mohon izin mencadangkan Rang Undang-undang Makhluh Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya, 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Pembangunan pesat yang dicapai di bidang pertanian Malaysia adalah disebabkan oleh penggunaan cara-cara baru dan teknologi moden dan kemampuan kita mengawal penyakit-penyakit dan musuh-musuh tumbuh-tumbuhan berbahaya dari dihindangi oleh tanam-tanaman. Namun demikian, bukanlah bererti tidak ada langsung terdapat penyakit-penyakit tumbuhan seperti serangan ulat atona di atas kawasan-kawasan kelapa di beberapa tempat di negara ini yang telah dapat dihapuskan. Kita perlu berwaspada setiap masa agar musuh-musuh yang lebih berbahaya tidak timbul di negara ini. Bagi membolehkan bidang pertanian memainkan peranan terutama daripada mendapatkan hasil tukaran wang luar negeri.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mencapai harapan dan cita-cita yang saya sebutkan di atas tadi. Pada masa ini di Malaysia terdapat tiga undang-undang yang berasingan berhubung dengan kawalan ke atas kemasukan makhluh perosak pertanian dan tumbuh-tumbuhan berbahaya dari luar negeri dan mengawal daripada berlaku dan merebaknya musuh-musuh tumbuh-tumbuhan di negara ini. Di Semenanjung Malaysia undang-undang yang dikuatkuasakan ialah Ordinan Makhluh Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya No. 59, 1953. Di Sabah Ordinan Musuh-musuh Pertanian, 1917 dan di Sarawak Ordinan Musuh-musuh Pertanian. Ordinan-ordinan tersebut mempunyai beberapa kekurangan dan kelemahan, di antaranya ialah:

- (i) Ketiga-tiga Ordinan itu mempunyai tafsiran yang berbeza mengenai istilah tumbuh-tumbuhan.
- (ii) Tindakan-tindakan yang diperlukan untuk mengawal tumbuh-tumbuhan berbahaya juga perbezaan di dalam ketiga-tiga Ordinan tersebut.
- (iii) Kuasa yang diberikan di dalam Ordinan-ordinan sekarang terhad kepada mengawal kemasukan musuh-musuh pertanian yang dibawa oleh bahan-bahan tanaman sahaja, yakni termasuk biji-bijian, buah-buahan, dan lain-lain pengeluaran pertanian.

- (iv) Hanya Ordinan di Semenanjung Malaysia sahaja yang mempunyai peruntukan untuk memencil atau memisahkan tanah-tanah yang berpenyakit.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menyatukan ketiga-tiga Rang Undang-undang tersebut di bawah satu Ordinan dan di samping itu untuk mengatasi kelemahan-kelemahan di atas. Tuan Yang di-Pertua, musuh-musuh tanaman bukan sahaja boleh dibawa masuk oleh tumbuh-tumbuhan malahan boleh juga dibawa oleh hasil-hasil pengeluaran pertanian mentah seperti buah-buahan, biji-bijian dan sayur-sayuran yang diimport. Kuasa-kuasa telah tidak diberi di dalam Ordinan-ordinan yang ada sekarang bagi memeriksa bahan-bahan tersebut supaya dapat dipastikan tidak mengandungi sebarang musuh tumbuh-tumbuhan. Rang Undang-undang ini akan mengadakan peruntukan bagi memberi kuasa kepada pihak berkenaan menyiasat semua jenis bahan-bahan pengeluaran pertanian yang dibawa masuk ke negara ini di pusat-pusat Pemeriksaan Kastam. Bagi kawalan di dalam negeri pula pada masa ini hanya Ordinan yang dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia saya memberi kuasa memencil tanah yang didapati mengandungi musuh-musuh tanaman. Di Sabah dan di Sarawak kuasa tersebut tidak terdapat di dalam Ordinan-ordinan yang dikuatkuasakan sekarang oleh kerana Rang Undang-undang ini akan meliputi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, kuasa yang perlu itu dimasukkan bersama.

Dengan adanya peruntukan-peruntukan yang lengkap kawalan-kawalan yang lebih ketat dapat diadakan bagi membasmi musuh-musuh tumbuh-tumbuhan yang berlaku di negara ini dengan serta-merta dan mengawal kemasukan musuh-musuh daripada luar negeri. Rundingan-rundingan telahpun diadakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak semasa menyediakan Rang Undang-undang ini dan Kerajaan-kerajaan negeri tersebut telah bersetuju dengan peruntukan-peruntukan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.57 ptg.

Tuan Luhah Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sedikit pandangan tentang undang-undang ini mengenai apa yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia untuk meliputi seluruh negara iaitu Negeri Sarawak dan Sabah. Sepatutnya sudah lama dahulu satu Rang Undang-undang yang begini telahpun dibawa ke sini untuk diluluskan di dalam Dewan Rakyat ini. Akan tetapi, syukur juga pada hari ini masanya sudah sampai bagi Negeri Sarawak dan Sabah mendapat hak supaya undang-undang tersebut akan meliputi Negeri Sarawak dan Negeri Sabah sebagaimana yang telahpun dilakukan oleh bidang pertanian di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit di sini oleh kerana undang-undang ini sungguh menarik, tetapi walau bagaimanapun baiknya hanya dicatitkan di dalam buku sahaja dan tidak dijalankan dengan begitu baik, tidak juga besar kegunaannya terhadap negeri kita dan seluruh negara kerana saya dapati pada masa ini bukan sahaja saya mengangapkan pihak Jabatan Pertanian di Negeri Sabah dan Sarawak kurang mahir dalam hal mempergunakan alat-alat untuk menjangakan penyakit-penyakit yang merosak tanaman di negeri itu. Akan tetapi, apa yang saya maksudkan di sini, saya menyeru kepada Kerajaan Malaysia supaya memberi latihan yang cukup kepada Pejabat-pejabat Pertanian di Negeri Sabah dan Sarawak, bila mana undang-undang tersebut dijalankan ataupun dikuatkuasakan di Negeri Sabah dan Sarawak supaya Pejabat Pertanian di negeri-negeri tersebut benar-benar mahir atau pandai menggunakan apa sahaja alat-alat ataupun racun-racun yang akan digunakan untuk mempertahankan penyakit-penyakit yang sedang menyerang tanam-tanaman di Negeri Sarawak dan di Negeri Sabah. Oleh kerana kita sedia maklum negara kita Malaysia ini kebanyakan rakyat kita ialah petani-petani. Oleh hal yang demikian, perlu sekali layanan yang baik hendaklah diberi oleh pihak Kerajaan supaya melayani petani-petani kita yang jauh ketinggalan di dalam bidang pertanian. Demikian juga jikalau

undang-undang ini dikuatkuasakan di Negeri Sabah dan Sarawak. Saya juga berharap supaya di masa akan datang apa sahaja pesticide-pesticide ataupun ubat-ubat yang digunakan untuk mempertahankan penyakit-penyakit ataupun makhluk-makhluk yang merosakkan tumbuh-tumbuhan di bidang pertanian akan cukup supply daripada Pejabat-pejabat Pertanian kepada peladang-peladang yang berada di luar bandar khususnya dan juga estate-estate amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas Rang Undang-undang yang baik ini supaya undang-undang ini akan dijalankan kuasanya supaya negara kami terus maju dalam bidang pertanian.

6.01 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Majlis yang mulia ini kerana Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menambahkan penghasilan pertanian. Apa yang saya harapkan di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini hendaklah juga meliputi jenis-jenis ubat yang telah digunakan untuk membunuh makhluk perosak pertanian. Kerana ada di antara ubat-ubat yang telah digunakan untuk membunuh makhluk perosak pertanian itu sebaliknya merosakkan makhluk yang mendatangkan hasil yang baik kepada petani-petani, seperti mana contoh yang berlaku di tempat saya iaitu ada ubat-ubat yang telah digunakan untuk memusnahkan segala serangga, ketam dan sebagainya digunakan di dalam pertanian telah menyebabkan kematian ikan-ikan yang menjadi sumber kewangan kepada petani-petani. Saya harap undang-undang ini dapat mencegah segala ubat-ubat yang merbahaya itu.

Di Perlis, petani-petani mendapatkan keuntungan daripada ikan-ikan yang hidup di dalam sawah-sawah padi iaitu ikan air tawar yang pada suatu ketika dahulu pernah di dalam Dewan ini disuarakan oleh wakil daripada Perlis iaitu ikan sepat boleh dijadikan minyak, tetapi sekarang ini oleh sebab ubat-ubat yang telah digunakan itu telah menyebabkan matinya ikan-ikan itu maka sekarang ini sangat sukar untuk mendapatkan ikan-ikan itu di sana. Kalau perkara yang sedemikian ini berlanjutan maka ini mengakibatkan perkara yang tidak baik

sungguhpun ubat-ubat telah dapat memusnahkan penyakit-penyakit pertanian. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.03 ptg.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan kedua-dua Ahli Yang Berhormat terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Baram yang telah memberikan sokongan yang baik dan beliau memberi ingatan supaya undang-undang ini jangan tercatat di dalam kertas sahaja untuk dilaksanakan. Memang tujuan Kerajaan apabila kita bawa Rang Undang-undang ke dalam Dewan ini kita akan laksanakan. Insya Allah dengan kerjasama Ahli Yang Berhormat undang-undang ini akan berjalan dengan licin dan akan terus dilaksanakan daripada Perlis sampai ke Sabah melalui Sarawak.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Arau, saya ucapkan terima kasih kerana memberi pandangan yang sangat baik. Sebenarnya masalah racun serangga yang merusakkan makhluk-makhluk seperti ikan-ikan yang ada di dalam sawah ini bukannya ikan itu yang mati, tetapi oleh kerana tanaman padi dua kali setahun dan baja-baja yang digunakan oleh petani pada masa ini telah membunuh telor-telor ikan yang ada pada hari ini dan bukannya ikan yang mati tetapi telornya. Apabila kena baja ia langsung tidak boleh menetas dan inilah sebabnya yang ikan-ikan berkurangan dan bukannya ikan itu yang mati tetapi walau bagaimanapun Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar sedang menggalakkan sekarang ini terutama sekali di dalam kawasan MADA daripada Kedah sampai di Perlis supaya taliair di kawasan MADA yang panjangnya lebih kurang 400 batu itu dapat dimasukkan benih ikan seberapa banyak kerana dalam taliair boleh dikawal daripada kemasukan baja-baja yang datang daripada sawah-sawah, dan pada keseluruhannya saya ucapkan terima kasih dan pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah saya hargai dan mudah-mudahan untuk kita lebih maju lagi pada masa yang akan datang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 24 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT— MENANGGUHKAN RANG UNDANG- UNDANG PERTUBUHAN SENI MEM- PERTAHANKAN DIRI

6.06 ptg.

Satiasusaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62 Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri sebagaimana yang tertera sebagai Perkara 8 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan perbincangan selanjutnya.

Setiasusaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62 Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri sebagaimana yang tertera sebagai Perkara 8 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan perbincangan selanjutnya.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KOPERATIF (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.09 ptg.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan Rang Undang-undang

Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Semenjak gerakan koperasi dimulakan kira-kira 53 tahun yang lampau banyak kemajuan-kemajuan telah dicapai dipelbagai bidang. Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai itu menunjukkan peranan yang boleh dimainkan oleh koperasi di dalam usaha membolehkan rakyat mencapai kemajuan-kemajuan yang lebih pesat di masa hadapan. Namun demikian, masaalah yang ada ketika ini ialah untuk membolehkan koperasi yang kecil-kecil meluaskan kegiatan mereka sejajar dengan koperasi yang besar-besar yang sudahpun melibatkan diri dalam bidang-bidang perdagangan dan perusahaan seperti pasaraya, insuran, bank dan sebagainya.

Pada masa ini koperasi-koperasi di Malaysia didaftarkan di bawah tiga undang-undang berasingan yang boleh menghindarkan koperasi-koperasi dari meluaskan kegiatan-kegiatan mereka. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya Fasal 1 dipinda bagi mewujudkan cuma satu undang-undang sahaja meliputi seluruh Malaysia.

Perluasan undang-undang ini ke Sabah dan Sarawak akan dikuatkuasakan setelah diadakan perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang tersebut. Menurut Ordinan sekarang sesebuah koperasi itu boleh ditubuhkan dengan bilangan ahli 10 orang sahaja. Sebahagian besar daripada kira-kira 1,200 buah koperasi yang ada sekarang terdiri dari koperasi yang kecil-kecil. Di samping itu pula tidak ada peruntukan yang membolehkan bercantum dengan cara menerima dan memindahkan di antara mereka segala harta dan tanggungan. Untuk memperbaiki keadaan tersebut maka adalah dicadangkan supaya Fasal 6 dipinda bagi menaikkan bilangan ahli untuk menu-buhkan sebuah koperasi dari 10 kepada 100 orang. Sementara pindaan juga dicadangkan ke atas Fasal 10 bagi membolehkan koperasi-koperasi bercantum. Dengan adanya pindaan-pindaan tersebut maka dapatlah diwujudkan satu gerakan koperasi yang benar-benar boleh memainkan peranan yang berkesan terutama di bidang perdagangan dan perusahaan.

Satu pindaan yang utama ialah untuk membenarkan koperasi-koperasi membeli saham-saham bonos dari keuntungan yang

diperolehi daripada penjualan pelaburan dan harta-harta tetap serta penilaian semula harta-harta tetap mereka kepada ahli-ahli.

Fasal 18 Ordinan ini dicadangkan dipinda untuk tujuan tersebut. Pindaan ini diharapkan akan menjadi daya penarik kepada lebih ramai lagi rakyat melibatkan diri dalam gerakan koperasi kerana mereka akan mendapat faedah yang lebih dari sumbangan-sumbangan yang dilaburkan.

Kelicinan pentadbiran gerakan koperasi boleh menentukan tempoh kemajuannya. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan di dalam Fasal 2 akan memenuhi keperluan cara-cara membuat kira-kira yang lengkap dan diodit untuk dibentangkan ke dalam Mesyuarat Agong dan dilaporkan kepada Pendaftar. Pendaftar juga akan diberi kuasa untuk memanggil Mesyuarat Agong terhadap koperasi-koperasi yang gagal mengadakan mesyuarat. Pindaan juga dicadangkan ke atas Fasal 37 untuk menaikkan denda ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh koperasi-koperasi di bawah Ordinan sekarang, daripada tidak lebih \$1,000 kepada tidak lebih \$10,000 dan bagi kesalahan-kesalahan yang berpanjangan daripada \$50 sehari kepada \$100 sehari. Kenaikan denda ini menasabih memandangkan kepada kemajuan gerakan koperasi yang kian meningkat dan menjaga keutuhan daripada penyelewengan. Di samping pindaan-pindaan yang telah disebutkan tadi, pindaan-pindaan lain merupakan pindaan kecil sahaja umpamanya untuk menjelaskan lagi tafsiran seperti yang dicadangkan di dalam Fasal 2. Pindaan juga dicadangkan di dalam Fasal 31 untuk memberi kuasa kepada Menteri mengadakan peraturan-peraturan bagi menubuhkan satu Majlis Penasihat Koperasi Kebangsaan yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan-pandangan daripada pihak-pihak yang berkaitan dengan gerakan koperasi supaya Kerajaan dapat mengambil langkah-langkah tertentu untuk tujuan-tujuan pembangunan koperasi di negara ini. Pindaan yang dicadangkan di dalam fasal ini juga akan memberi kuasa kepada Menteri mengadakan peraturan-peraturan untuk menamakan satu badan yang akan mewakili gerakan koperasi peringkat kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan), 1975 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.14 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan) dan saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang begitu sedar bahawa Rang Undang-undang ini patut diperluaskan. Dengan ini saya berkeyakinan dengan adanya undang-undang yang begini rupa, maka gerakan koperasi dalam negara kita ini dapat berkembang dengan begitu luas dan dapat dikesan kepada riaksi-riaksi-nya pada masa-masa akan datang.

Gerakan koperasi pada masa yang sudah apa yang kita dapat tahu bahawa Rang Undang-undang atau undang-undang tubuhnya tidak begitu ketat dan tidak begitu dapat mengawasi perkembangan koperasi dari satu masa ke satu masa. Dengan adanya Rang Undang-undang begini saya faham dan saya percaya bahawa syarikat-syarikat terutamanya yang di luar bandar dapat giat bergerak untuk memajukan koperasinya bukan sahaja dalam bidang kecil tetapi akan membawakan kepada perluasan gerakan koperasi itu. Apa yang saya hendak rujuk dalam Dewan ini untuk tekanan saya supaya Rang Undang-undang ini benar-benar dapat dilaksanakan iaitu segala penyelewengan, segala tindak-tanduk yang tidak begitu jujur dan segala kesalahan-kesalahan yang dijalankan oleh koperasi itu, maka undang-undang ini hendaklah benar-benar dikenakan kepada mereka yang bersalah. Pada masa yang sudah satu contoh yang perlu saya sebutkan iaitu jawatankuasa-jawatankuasanya tidak begitu berat iaitu mereka merasa ketakutan untuk menjalankan undang-undang kepada sahabat-sahabatnya yang telah menyeleweng yang tidak menjalankan koperasi itu dengan betul walaupun telah didapati mereka itu benar-benar bersalah. Dan bagi Kementerian tidak begitu berkesan untuk mengawal dan mengawasi perkara itu akan berlaku lagi. Kita harap dengan adanya undang-undang ini maka perkara yang begitu rupa tidak akan berlaku dan dapat diperbaiki keadaannya dan kita harap gerakan koperasi terutamanya di luar bandar dapat berkembang lebih baik dari satu masa ke satu masa. Ini sangat dialu-alukan dan memang ditunggu-tunggu oleh rakyat di luar bandar yang ingin bergerak

dalam bidang commercial dalam lapangan koperasi ini. Dan kita harap mudah-mudahan tidak ragu-ragu lagi undang-undang yang begini dapat dijalankan dan memberikan kesan yang baik kepada gerakan koperasi pada masa yang akan datang.

6.18 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Di samping itu, saya berharap kepada syarikat-syarikat ini patut diambil tindakan sebagaimana yang disuarakan oleh saudara saya tadi dan juga saya berharap kerana memandang kepada zaman yang telah maju kepada apa-apa syarat sebagaimana masa yang lepas, saya dapati banyak syarikat-syarikat ini yang maju dan tidak menafikan ada syarikat-syarikat yang tidak maju oleh kerana sebab-sebab sebagaimana yang dikatakan oleh wakil daripada Tanjong Karang tadi.

Di samping itu, satu sebab yang besar yang saya dapat rungutan adalah kerana faedah yang ditetapkan terlampau terhad, walaupun dibolehkan dengan dibuat surat yang tertentu. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada keadaan yang telah maju sebagaimana hari ini saya berpendapat patutlah faedah yang ditetapkan 6% atau 10% itu ditinggikan kepada satu angka memandangkan kepada keadaan masa. Ini adalah satu sebab yang selalu saya dengar rungutan yang kebanyakan daripada ahli-ahlinya tidak mahu menyertai dengan syarikat selain daripada apa yang dikatakan oleh saudara-saudara tadi.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap patutlah pihak Kementerian berkenaan mengatur dan dikumpulkan semua sebagai satu-satu kumpulan secara beramai-ramai dan menjadikan sebagai satu syarikat sebagaimana yang dibuatkan oleh badan-badan lain seperti MIC dan sebagainya. Maka dengan itu, saya yakin segala keadaan syarikat-syarikat yang ditajakan akan mendapat kemajuan yang lebih di masa yang akan datang.

6.22 *ptg.*

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Syarikat Koperasi yang ada di hadapan majlis ini.

Syarikat koperatif atau koperasi memang sudah lama dikenal oleh rakyat di negeri Sarawak semenjak penjajah dahulu. Bagi kawasan saya, syarikat koperatif ataupun syarikat kerjasama mula bergerak pada awal tahun 50—an di berbagai bidang. Secara kebetulan juga rakyat di daerah Mukah dan Dalat di waktu itu terkenal mewah di sebabkan harga tepung sagu melambung naik, maka dengan senang sahaja mereka mengumpul wang menubuh syarikat koperasi atau syarikat kerjasama seperti membuat kilang tepung sagu, mendiri kedai-kedai kecil di kampung serta juga menyimpan wang untuk modal membuat syarikat seperti yang digalakkan oleh Pejabat Koperatif di waktu itu. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, dua atau tiga tahun kemudian di waktu mana tepung sagu jatuh harganya, yang menjadi harapan dan tulang belakang ekonomi rakyat di daerah yang saya sebut awal tadi, maka dengan sendirinya syarikat koperasi yang dipunyai oleh rakyat bumiputra yang pada mulanya berjalan dengan baik di Batang Mukah dan Oya bertukar menjadi muram dan kilang-kilang tepung sagu yang pada mulanya berjalan sampai 18 jam sehari pun ditutup. Begitu juga kedai-kedai syarikat kerjasama yang kecil-kecil di kampung pada dahulunya jualan sangat laris yang boleh dikatakan mendapat keuntungan yang agak baik terlibat apabila harga tepung sagu itu merosot jatuh.

Mengikut ingatan saya semenjak tepung sagu itu merosot harganya sampai hari ini syarikat koperatif di kampung-kampung Batang Mukah dan Batang Oya tidak bergerak lagi. Seperti yang saya ketahui ada juga syarikat yang berkenaan itu bukan sahaja habis modalnya bahkan ada yang masih menanggung hutang. Walaupun demikian, saya merayu kepada pihak Jabatan Koperasi bagi negeri Sarawak supaya tidak berputus asa bagi memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada rakyat di bidang kerjasama ataupun perkara syarikat koperasi kepada rakyat luarbandar, lebih-lebih lagi seperti di kawasan saya supaya rakyat dapat faham walaupun dengan cara menyimpan wang sedikit-sedikit menerusi koperasi untuk modal membuat syarikat koperasi yang bertujuan untuk memberi faedah kepada ahli-ahli koperasi itu sendiri supaya mereka dapat membeli barang-barang dengan harga yang berpatutan dan sukatan timbangan yang

betul. Seperti terdapat pada hari ini di daerah Mukah dan Dalat tidak ada pegawai-pegawai koperasi yang bertugas di situ lagi. Diharaplah pegawai-pegawai pejabat koperasi dapat melawat, berjumpa lebih dekat lagi dan bertukar-tukar fikiran dengan rakyat di situ supaya mereka tidak putus harapan untuk mengambil bahagian di bidang koperasi.

Saya yakin perkara seperti ini boleh menolong rakyat yang kurang bernasib baik dan dapat memberi pelajaran di bidang perniagaan dan perkilangan cara bersyarikat atau bekerjasama untuk mendapat modal dikumpul sama sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga syarikat koperasi terutamanya yang dipunyai oleh kakitangan Kerajaan sebagai ahli-ahlinya berjaya di bidang perniagaan atau cara menyimpan wang yang boleh menolong ahli-ahlinya mendapat pinjaman untuk kegunaan perlu kadangkala untuk membeli rumah kediaman mereka itu sendiri seperti yang terdapat pada hari ini. Oleh yang demikian, mengikut pandangan saya, syarikat koperasi ataupun menjadi ahli-ahli syarikat koperasi adalah salah satu jalan untuk mendapat kejayaan lebih-lebih lagi rakyat yang mundur di luar bandar seperti terdapat di negeri Sarawak diberi bimbingan yang lebih berkesan supaya rakyat dapat faham di bidang kerjasama. Perkara berat atau modal yang agak besar dapat diatasi dengan cara sedikit seorang mengeluarkan modalnya.

Saya berharap dengan adanya segala pindaan kepada Rang Undang-undang ini, maka segala syarikat koperasi yang ada di negeri Sarawak dapat berjalan dengan lebih baik dan lancar lagi untuk mencapai ke peringkat yang lebih besar lagi.

6.26 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama-sama menyokong Akta Syarikat Koperasi yang dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan kerana pertama sekali dengan adanya Rang Undang-undang baru ini, saya ber-

pendapat, betul-betul sejajar dengan amalan bekerjasama iaitu amalan kalau berdiri sama-sama kita tinggi, kalau duduk sama-sama kita rendah, dan juga dengan adanya Rang Undang-undang baru ini memanglah di dunia perniagaan yang penuh dengan persaingan kalau didiamkan sahaja koperasi mengikut cara-cara lama, memang akan jauh tertinggal kebelakang dan tidak dapat bersaing dengan serba-serbi yang dibuat oleh kaum pemodal. Walau bagaimanapun saya suka membawa pandangan Dewan yang mulia ini bahawa sebelum Rang Undang-undang ini ditaja dan di bawa ke sini, memang sudah ada pegawai-pegawai tinggi koperasi pergi menjelajah, pergi melawat di segenap rantau negara kita untuk menerima dan mengambil pandangan daripada koperasi dan jawatankuasanya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal-jawab, pertanyaan dan dailog-dailog yang diadakan boleh dikatakan kebanyakan daripada jawatankuasa koperasi tidak begitu puas hati berkenaan dengan komposisi (composition). Pertamaanya Lembaga Pengarah dan kedua cara mengambil alih syarikat-syarikat koperasi yang kecil itu untuk disatu-padukan menjadi sebuah koperasi sahaja di dalam tiap-tiap daerah. Soal-jawab yang dikemukakan itu tidak dapat memuaskan hati kebanyakan daripada ahli-ahli jawatankuasa. Oleh sebab itu, barangkali elok sangat perkara ini di bawa kepada pandangan Menteri yang berkenaan supaya dapat Menteri yang berkenaan, di samping kita menerima Akta ini, dapat penerangan-penerangan yang jelas. Adalah diberitahu bahawa Lembaga Pengarah di bawah Akta baru ini mengandungi Pengerusi dan sungguhpun di dalam Bil ini tidak dijelaskan butir-butirnya Pengerusi itu kononnya adalah Pegawai Daerah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada hari esok. Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.